

Jilid I
Bil. 19



Hari Jumaat
5hb November, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2235]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 2275]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983 [Ruangan 2275]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.K.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI
ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI
HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMAD HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

Yang Berhormat **TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).**

- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN FUNG KET WING (Sandakan).**
- „ **TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).**
- „ **TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).**
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).**
- „ **TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).**
- „ **TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).**
- „ **DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).**
- „ **TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).**
- „ **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **TUAN KAN YAU FA (Tawau).**
- „ **TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).**
- „ **TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).**
- „ **TUAN MARK KODING (Kinabalu).**
- „ **DR KOH TSU KOON (Tanjong).**
- „ **DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).**
- „ **TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).**
- „ **TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).**
- „ **DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).**
- „ **TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).**
- „ **TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).**
- „ **TUAN LING SIE MING (Sibu).**
- „ **TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).**
- „ **TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).**
- „ **TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).**

- Yang Berhormat **TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).**
- „ **TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).**
- „ **DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).**
- „ **TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).**
- „ **DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).**
- „ **TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).**
- „ **TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).**
- „ **TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).**
- „ **TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).**
- „ **TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).**
- „ **TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).**
- „ **DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).**
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).**
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- „ **TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**

Yang Berhormat WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEOH POH SAN (Petaling).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 5hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MESYUARAT KETUA-KETUA
KERAJAAN KOMENWEL DI FIJI

1. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan hasil rundingan beliau dengan rakan-rakan sejawat sempena Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel Peringkat Wilayah di Fiji.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang Dipertua, Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komenwel Serantau di Fiji baru-baru ini telah dihadiri oleh 17 buah negara yang kebanyakannya terdiri daripada negara-negara kecil. Perbincangan di mesyuarat itu telah menumpukan perhatian kepada tiga bidang utama iaitu, perkembangan politik dunia dan serantau, isu-isu ekonomi antarabangsa, serta kerjasama dan ekonomi serantau.

Di bidang perkembangan politik dunia dan serantau, antara isu-isu yang dibincangkan ialah masalah di Kampuchea. Ketua-ketua Kerajaan di mesyuarat itu telah mengambil perhatian tentang pembentukan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea. Ini menunjukkan

bahawa mereka mengakui wujudnya Kerajaan Campuran secara de facto itu. Ini adalah satu-satunya kejayaan yang dicapai di mesyuarat itu.

Mesyuarat itu juga membincangkan beberapa isu politik antarabangsa yang lain, termasuklah masalah di Asia Barat, Lubnan dan Afghanistan. Ketua-ketua Kerajaan berkenaan memandang berat terhadap pertelingkahan yang berlaku di Asia Barat dan mengancam hebat Israel kerana serangannya ke atas Lubnan dan pembunuhan beramai-ramai di Beirut. Mengenai Afghanistan, mereka menyatakan bahawa satu penyelesaian politik perlu dicapai berasaskan kepada pengunduran tentera asing dari negara itu dan penghormatan terhadap kemerdekaan serta kedaulatan negara itu sebagai sebuah negara yang berkecuali.

Mengenai isu-isu ekonomi antarabangsa, mesyuarat itu telah mencadangkan supaya digubal dasar-dasar yang boleh mempercepatkan kemajuan ekonomi tanpa meninggikan kadar inflasi. Cadangan ini dibuat memandangkan bahawa dasar perlindungan perdagangan dan sistem kewangan antarabangsa masakini sedang mengalami berbagai masalah. Mereka juga memandang berat terhadap kejatuhan harga-harga komoditi yang terok kebelakangan ini dan ini telah meninggalkan kesan buruk ke atas hubungan perdagangan kebanyakan negara-negara yang sedang membangun. Oleh itu, keadaan ini memerlukan pendekatan-pendekatan yang baru termasuklah memberi lebih keutamaan kepada

kerjasama di antara negara-negara pengeluar untuk melindungi mereka daripada keadaan yang tidak dapat dijangka dalam pasaran komoditi antarabangsa.

Ketua-ketua Kerajaan di mesyuarat itu juga menerima program-program kerjasama praktikal di antara negara-negara Komenwel di rantau ini kerana program-program itu dipercayai dapat membantu negara-negara berkenaan mempercepatkan rancangan pembangunan mereka. Saya telah menyatakan di mesyuarat itu bahawa kerjasama ekonomi serantau adalah suatu pendekatan yang dapat memberi nafas baru kepada Komenwel.

Semasa berada di Fiji saya telah mengambil peluang bertukar-tukar pendapat dengan beberapa orang Ketua-ketua Kerajaan dan membuat pengakuan bahawa Kerajaan Malaysia berhasrat hendak membantu negara-negara mereka di bidang-bidang di mana Malaysia mempunyai kemudahan, pengalaman dan kepakaran. Ini bukanlah bererti yang Malaysia hendak menunjukkan yang ianya sebuah negara yang begitu maju dan berkemampuan. Pengakuan saya itu ialah sebagai pernyataan hasrat Malaysia untuk bekerjasama. Malaysia akan membuktikan pengakuannya itu. Usaha-usaha sedang dibuat untuk menyediakan kemudahan-kemudahan latihan kepada negara itu dan juga meminjamkan pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu.

Memanglah menjadi dasar luar negara kita secara jangka panjang untuk membantu negara-negara yang memerlukan bantuan, mengikut kemampuan kita, tanpa memikirkan balasan yang segera dari mereka. Yang kita perlu ialah perhubungan dan kerjasama yang berterusan sehingga masing-masing negara akan menikmati faedah-faedah kerjasama itu.

Saya berpendapat bahawa Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan

Komenwel di Peringkat Serantau itu merupakan suatu forum yang berguna dan berhasil dalam memupukkan lagi persefahaman dan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara yang berkenaan dan mendapat pengakuan yang bermakna serta perhatian mereka terhadap beberapa isu politik antarabangsa yang penting.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di dalam kerjasama ekonomi ini adakah benar negara kita berjanji untuk memberi bantuan kepada Fiji dan apakah negara-negara lain yang ada di Pasific Selatan ini yang kita juga akan memberi bantuan dan kerjasama ekonomi sebagaimana Yang Amat Berhormat sebutkan tadi.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, kerjasama ekonomi ini merupakan berbagai corak dan di antara jenis-jenis kerjasama ini ada yang mampu dibuat oleh kita dan oleh itu kita telah memberi pengakuan bukan sahaja kepada Fiji tetapi juga negara-negara kecil yang lain yang ada di Pasific Selatan dan juga kepada Maldives dan Bangladesh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam mesyuarat tersebut dapatkah Malaysia untuk memujuk negeri India mengenai Kerajaan Campuran Kampuchea dan akhirnya di mesyuarat itu apakah sikap negeri India mengenai kerajaan campuran tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, saya telah terangkan dalam jawapan saya tadi bahawa satu daripada keputusan yang dicapai secara consensus oleh mesyuarat Ketua-ketua Komanwel ini ialah wujudnya Kerajaan Campuran Kampuchea dan pengakuan ini bermakna juga bahawa negara India juga bersama-sama mengakui adanya kerajaan campuran ini dan ini bermakna bahawa sedikit sebanyak

pengakuan ini mempunyai makna bahawa India yang dahulunya cuma mengiktiraf kerajaan Heng Samrin sudah pun terpaksa mengakui adanya Kerajaan Campuran Kampuchea.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi nampaknya negara kita begitu disambut baik oleh Fiji. Jadi, dalam kata-kata Yang Amat Berhormat tadi bertukar-tukar pendapat, berkemampuan dan meminjamkan pakar-pakar kepada Fiji. Apakah jenis pakar-pakar yang kita boleh beri terutama sekali dari segi getah, kelapa sawit dan bijih timah dan sebagainya. Bolehkah kita beri benda-benda itu kepada Fiji?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, Fiji berminat untuk memasuki dalam lapangan pertanian iaitu menanam kelapa sawit dan mungkin juga jenis pokok-pokok yang lain yang boleh memberi hasil dan di dalam bidang ini memang diakui bahawa Malaysia mempunyai kepakaran dan juga pihak Fiji memerlukan pakar-pakar kita dan kepakaran yang ada kepada kita, kita sedia untuk menawarkannya.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, bagaimanakah program-program kerjasama yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memberi faedah kepada Malaysia?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, seperti saya sebutkan tadi kita tidaklah berhasrat untuk mendapat faedah daripada kerjasama ini dengan segera. Yang penting kepada kita ialah menjamin satu perhubungan dan persaudaraan yang baik dengan negara-negara yang tidak bermusuhan dengan kita.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Memandangkan mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel peringkat wilayah adalah penting dan banyak memberi faedah kepada kita, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ber-cadang menjadi tuan rumah di mesyuarat seumpama ini di masa akan datang?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, mesyuarat yang akan datang yang akan diadakan pada tahun 1984 akan diadakan di Papua New Guinea tetapi kemudian daripada itu jika kita diminta untuk menjadi tuan rumah, kita sedia menimbangkannya.

Tuan Lee Lam Thye: Dalam mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel peringkat wilayah di Fiji Yang Amat Berhormat pernah menyatakan bahawa Malaysia berhajat untuk merapatkan perhubungan dengan negara-negara kecil Komanwel di kawasan Pasific. Saya suka mendapat tahu apakah tindakan lanjutan yang telah diambil ke arah ini dan sama ada pihak Parlimen Malaysia ada cadangan untuk mengaturnya satu rombongan Parlimen Malaysia untuk melawat negara-negara kecil Komanwel di kawasan Pasific?

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, setelah saya balik ke tanahair, saya telah menyusun perjumpaan dengan dua kumpulan. Yang pertamanya ialah kumpulan peniaga yang terdiri lebih daripada lebih kurang 10 syarikat-syarikat yang besar daripada pihak swasta dan juga pihak Kerajaan supaya mereka ini akan menjolong dalam beberapa bidang perniagaan dan perusahaan yang boleh diadakan di Pasific Selatan.

Ini merupakan satu jenis kerjasama kerana mereka ini tidaklah berhajat untuk mencari keuntungan semata-mata bila mereka mengadakan

pelaburan di sana tetapi bercadang untuk mengadakan joint venture dan sebagainya dengan pihak-pihak berkenaan di Fiji yang direstui oleh Kerajaan mereka, juga dengan negara-negara yang lain.

Yang kedua, saya telah berjumpa dengan semua pegawai-pegawai dan Ketua-ketua Jabatan yang ada kaitan dengan kemudahan-kemudahan latihan dan kepakaran yang terdapat di Malaysia ini dan mereka ini sudah pun mengidentifikasi jenis-jenis latihan yang mungkin boleh diberi juga pakar-pakar yang boleh kita hantar kepada negara-negara ini jika diminta oleh mereka dan mereka ini akan menyediakan brochure yang mengandungi semua jenis latihan yang boleh diberi supaya dengan mudahnya dapat diberitahu kepada Kerajaan-kerajaan berkenaan dan juga kita ada membuat sedikit peruntukan supaya dapat kita menghantar pakar-pakar kita jika perlu dan juga menjemput pegawai-pegawai tertentu daripada negara-negara Pasific untuk membuat lawatan ke Malaysia dengan tujuan-tujuan yang spesifik.

Kita belum ada lagi rancangan untuk menghantar Wakil-wakil Rakyat kita ke Fiji dan lain-lain negara di Selatan Pasific kerana negara-negara ini terletak jauh daripada Malaysia dan memerlukan perbelanjaan yang banyak dan pada ketika ini kita berpendapat bahawa hasil daripada lawatan Wakil-wakil Rakyat ini mungkin tidak setimpal dengan returns yang kita akan dapati daripadanya. Walau bagaimanapun Ahli-ahli Yang Berhormat tentu tahu bahawa CPA biasa menghantar Wakil-wakil Rakyat ke Fiji dan Samoa dan saya di antara orang-orang yang biasa dihantar oleh CPA untuk mengadakan mesyuarat di Western Samoa pada tahun 1974. Jadi, kemungkinan ini memang ada, Tuan Yang Dipertua, tetapi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat semua bersabar.

Tuan Ismail bin Said: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hasil-hasil yang diperolehi daripada mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel peringkat serantau. Jadi, saya ingin tahu mengikut pengalaman dan penilaian Yang Amat Berhormat sendiri adakah setakat ini ianya lebih bermakna ataupun lebih berfaedah jika dibandingkan dengan persidangan negara-negara Komanwel pada keseluruhannya.

Perdana Menteri: Tuan Yang Dipertua, terdapat perbezaan yang besar antara persidangan Komanwel keseluruhannya dengan persidangan serantau Komanwel yang saya hadiri baru-baru ini. Dalam persidangan Komanwel terdapat berpuluh-puluh negara kecil dan besar dan di dalam keadaan yang mana terlalu ramai hadir mungkin suara kita akan tenggelam di dalam itu sahaja, dan mungkin juga kita tidak dapat mengadakan pertemuan yang bermakna dengan peserta-peserta di dalam persidangan itu. Sebaliknya, mesyuarat serantau ini peserta-pesertanya cuma 17 dan terdiri pula daripada negara-negara kecil dan negara-negara ini pula memang menjadi minat kita untuk mengadakan perhubungan yang rapat. Oleh kerana itu kita dapat mengambil bahagian dalam mesyuarat ini dengan lebih berkesan.

Pada pendapat saya ialah ada perbezaan yang amat besar antara kedua-dua mesyuarat ini dan sehingga sekarang ini kita masih berpendapat bahawa mesyuarat Komanwel keseluruhannya tidak begitu penting bagi kita.

KEGIATAN LUAR DARJAH DI SEKOLAH-SEKOLAH

2. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk

mengurang atau menggilirkan kegiatan luar darjah di sekolah-sekolah pada masa ini yang dianggap terlalu membebaskan murid-murid.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang hendak mengurangkan kegiatan luar darjah di sekolah-sekolah pada masa ini kerana ini adalah sebahagian daripada aktiviti pelajaran dan pendidikan yang mesti dijalankan oleh sekolah-sekolah. Peruntukan masa bagi seminggu dalam kegiatan luar darjah ini adalah difikirkan tidak terlalu membebaskan murid-murid.

Kegiatan luar darjah ini pula diseimbangkan sepanjang tahun dan tidak dijalankan sekali gus dalam satu-satu penggal persekolahan tertentu. Murid-murid adalah digalakkan mengambil bahagian di dalam beberapa aktiviti yang dijalankan oleh sekolah dan mereka diberi pilihan aktiviti yang mereka ingin mengambil bahagian. Walau bagaimanapun jika ibubapa mendapati anak-anak mereka mengambil bahagian dalam terlalu banyak aktiviti luar darjah, mereka sebenarnya boleh memohon kepada pihak sekolah supaya mengecualikan anak-anak mereka dari megambil bahagian dalam terlalu banyak kegiatan-kegiatan yang dianggap membebaskan anak-anak mereka.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi ada menerangkan bahawa kegiatan luar sekolah ini adalah suatu yang mustahak dan perlu, dan murid-murid digalakkan untuk mengambil kegiatan itu. Saya ingin bertanya, adakah dasar pihak Kementerian Pelajaran menentukan berapakah sekurang-kurangnya kegiatan yang perlu diambil oleh seseorang murid, saya rasa tentulah lebih menasabah kalau kita hadkan satu dua sekurang-kurangnya atau lebih-lebih tiga, tetapi

kalau disuruh mereka memilih tanpa had mungkin murid yang setengahnya tidak suka belajar, akan mengambil kesempatan mengambil lebih banyak kegiatan luar. Ini akan menjejaskan pelajarannya.

Dato' Mohamed Khalil Yaakub: Tuan Yang Dipertua, untuk saya memberi keterangan sedikit mengenai peraturan yang kita buat. Pertama, saya sukacita menjelaskan bahawa pada dasarnya mengikut Peraturan-peraturan Kursus-kursus Pengajaran sekolah 1956 yang mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1968 murid-murid adalah diperlukan mengambil bahagian di dalam kegiatan kumpulan. Dan dari segi masanya, masa yang minima diperuntukkan bagi kegiatan ini adalah seperti berikut:

Bagi Darjah III dan IV 60 minit seminggu;

Bagi Darjah V dan VI 120 minit seminggu;

Bagi Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan VI 180 minit seminggu.

Saya sukacita juga menerangkan segi kegiatan ini boleh dimasukkan kepada tiga kumpulan: satu kegiatan yang bercorak sukan dan permainan, kedua, kegiatan persatuan-persatuan dan kelab-kelab sekolah dan ketiga, kegiatan pakaian seragam seperti pengakap dan sebagainya. Jadi berpandu kepada masa yang ditetapkan tadi murid-murid bolehlah membuat pemilihan. Saya ingin juga mengatakan di sini bahawa terpujanglah kepada ibubapa, kalau melihat anaknya terlalu cenderung untuk bersukan dan sebagainya sehingga kurang masa kepada pelajaran, maka melalui persatuan ibubapa, ataupun bila anak-anak balik ke rumah, silalah suarakan hal itu dan nasihatkan anaknya untuk mengurangkan kegiatan luar darjah.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang Dipertua, adakah

Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa di tiap-tiap sekolah sekarang ini oleh kerana terlalu banyak aktiviti-aktiviti yang mesti dilaksanakan, guru-guru di sekolah biasanya membelakangkan murid-murid yang lemah dalam bahagian sukan. Ertinya ramai murid-murid yang sepatutnya menerima latihan-latihan sukan di sekolah-sekolah itu diketepikan oleh kerana mahu melatih murid-murid yang lebih cekap sedikit untuk menghadiri beberapa perlawanan yang ada di sepanjang tahun persekolahan itu. Jadi, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa hal ini berlaku di sekolah-sekolah dan apakah yang harus diambil langkah untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya tidak memandangkan bahawa kaedah ini timbul atau kemungkinan timbul. Oleh kerana jika sekiranya sekolah-sekolah mengadakan sukan dan aktiviti-aktiviti luar darjah ia diadakan mengikut musim tertentu, umpamanya pada masa diadakan olahraga, diikuti barangkali musim mengadakan soccer. Kita tidak menggalakkan seseorang murid perlu memasuki semua bidang aktiviti luar darjah. Dan memang sudahpun guru-guru diberitahu bahawa murid-murid adalah tidak digalakkan untuk mengambil bahagian dalam lebih daripada dua aktiviti yang dinyatakan ataupun yang diadakan di sekolah-sekolah, melainkan secara sukarela.

Dr Kok Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil kira penglibatan dalam kegiatan-kegiatan luar darjah sebagai salah satu daripada syarat untuk kemasukan ke universiti ataupun maktab tempatan supaya kegiatan-kegiatan ini dianggap sebagai sebahagian daripada pendidikan

kanak-kanak dengan sewajarnya seperti yang diamalkan di negara-negara maju, dan kalau ada, apakah langkah-langkah yang akan diambil.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, itu adalah satu soalan lain.

Tuan Ahmad bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa selain daripada kegiatan-kegiatan yang telah disebutkan tadi terdapat pada ketika ini berbagai-bagai jenis kuiz yang dijalankan di sekolah-sekolah, dan ini juga merupakan kegiatan luar sekolah, antaranya ialah kuiz bahasa, kuiz sastra, kuiz sejarah, kuiz kesihatan, kuiz sains dan berbagai-bagai jenis kuiz lagi. Kegiatan ini berjalan sambung menyambung dan biasanya diambil bahagian oleh murid yang sama yang dipilih oleh guru yang dianggap pencapaian murid berkenaan lebih daripada murid-murid yang lain. Adakah dengan begitu banyaknya jenis kuiz ini bertujuan untuk menghidupkan daya pemikiran murid-murid atau sebaliknya terlalu banyak membebankan guru-guru dan juga murid-murid sehingga menjejaskan prestasi kegiatan akademik di sekolah-sekolah dan menimbulkan masalah kewangan sekolah.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya ingin menerangkan bahawa aktiviti seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi diadakan dengan tujuan untuk meninggikan kemampuan intelek seseorang murid. Kita dapati bahawa ibubapa sekalian sebenarnya memang ingin supaya anak-anak mereka bersama-sama dapat berkecimpung dalam aktiviti yang boleh meninggikan kemampuan intelek tadi. Setakat ini kita tidak mempunyai masalah dari segi mengatur atau menganjurkan aktiviti seperti ini, dan dari segi kewangannya pun tidaklah membebankan.

UNIT CARDIO-THORACIC

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sejak penubuhan sebuah yunit cardio-thoracic di Hospital Besar Kuala Lumpur, berapa banyak pembedahan jantung secara terbuka dan tertutup yang dikendalikan sehingga akhir September, 1982;
- (b) berapa banyak pembedahan yang beritanya dilakukan dan dikendalikan oleh yunit ini setahun; dan
- (c) berapakah jumlah kakitangan yunit ini dan apakah kemungkinannya untuk berkembang luas menjadi sebuah Pusat Jantung Negara.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua,

- (a) Jabatan Cardio-Thoracic di Hospital Besar, Kuala Lumpur telah dibuka pada 6hb April, 1982. Sehingga 30hb September, 1982, sebanyak 82 pembedahan jantung secara terbuka dan 29 secara tertutup telah dijalankan. Di samping itu Jabatan ini telah mengendalikan 18 pembedahan dalam bidang "general thoracic" dan "vascular".
- (b) Setakat ini Jabatan Thoracic telah menjalankan 167 pembedahan jantung secara terbuka dan secara tertutup. Berdasarkan kepada kakitangan dan kemudahan yang sedia ada, adalah dijalankan bahawa 150 hingga 200 pembedahan jantung terbuka dengan bilangan yang sama jua bagi pembedahan jantung tertutup, dapat dilakukan dalam masa setahun.

(c) Sekarang Jabatan Cardio-Thoracic mempunyai 7 orang doktor, 5 orang juruteknik dan 74 orang kakitangan klinik dan wad. Unit ini merupakan nukleus bagi perkembangan lanjut dalam kemampuan mengendalikan pembedahan cardio-thoracic. Kementerian Kesihatan sedang merancang untuk mengadakan sebuah unit yang lebih besar lagi dalam masa akan datang, apabila lebih ramai kakitangan dilatih dalam bidang ini. Buat sementara ini, unit yang sedia ada telah menunjukkan kemajuan yang amat menggalakkan. Baru-baru ini unit telah menjalankan dua pembedahan "By-pass" dengan jayanya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah masalah besar yang mungkin dihadapi oleh pihak Kerajaan dalam proses membentuk sebuah Pusat Jantung Negara dan apakah tindakan yang dapat diambil bagi mengatasi masalah itu pada masa hadapan kelak khususnya tentang latihan yang dapat diberi untuk mewujudkan lebih banyak pasukan Cardio-Thoracic bagi memenuhi keperluan negara?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, masalah yang pertama ialah tentang latihan kakitangan oleh kerana ini adalah satu bidang kepakaran dan pada masa ini kami ada tiga orang pakar pembedahan jantung yang sedang dilatih di luar negeri. Seorang kita harap boleh dapat balik pada awal tahun 1983. Beliau sedang menjalani latihan di Hospital Brompton di London dan ada dua orang lagi yang belum berkhidmat dengan Kerajaan, tetapi mereka masing-masing masih menjalani latihan, seorang berada di

London dan seorang lagi di Manila. Adalah diharapkan dua orang itu juga akan balik berkhidmat dengan Kerajaan. Lain-lain latihan Kementerian Kesihatan telah mengadakan perhubungan yang erat dengan hospital di Australia dan di dalam tahun ini kita harap mereka akan dapat menghantar juruteknik untuk mendapat latihan di sana. Tentang cardiology adalah rancangan kami menghantar 3-4 orang lagi sekarang ini berada di United Kingdom dan jika mereka ada kemampuan dan minat menjalani kerja kepakaran sebagai cardiologists mereka juga akan diberi jawatan dalam unit ini yang dijangka akan berkembang pada masa akan datang.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Soalan tambahan. Oleh kerana kita dapati bahawa ramai pesakit-pesakit adalah dari kalangan kanak-kanak, adakah Unit Cardio-Thoracic ini juga boleh melaksanakan pembedahan bagi kanak-kanak dan berapakah jumlah wang dapat dijimatkan bagi sesuatu pembedahan jika dibandingkan dengan pembedahan yang dilakukan di luar negeri.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, pada mulanya yunit ini hanya dapat menjalankan pembedahan atas pesakit yang berumur lebih daripada 12 tahun, oleh kerana pembedahan pesakit 12 tahun ke bawah adalah menghadapi kesulitan oleh kerana ini satu bidang yang sangat sukar, tetapi sekarang ini nampaknya unit ini sudah mendapat pengalaman dan boleh menjalankan pembedahan ke atas kanak-kanak yang berumur 4 tahun ke atas.

Tentang perbelanjaannya, jika seseorang kanak-kanak dihantar ke luar negeri, misalnya, ke Manila, perbelanjaannya lebih kurang \$14,000 tetapi di sini bolehlah dapat dikurangkan dan jika tidak ada sebarang komplikasi yang lain barangkali perbelanjaannya dalam lingkungan \$3,000-\$4,000 sahaja.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Setelah unit ini telah ditubuhkan berapa peratuskah kejayaan yang dapat dibuat mengikut pembedahan tertutup dan terbuka?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, setakat ini seorang sahaja yang tidak dapat diselamatkan nyawanya dan pesakit ini juga seorang kanak-kanak yang menghadapi rheumatic fever dan penyakit tersebut telah berkembang dan tidak dapat diselamatkan. Ini seorang sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan permintaan untuk yunit ini sangat besar dan menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri perkembangannya sangat lambat, bolehkah beliau menyatakan sebab-sebab yang menyebabkan perkembangannya begitu lambat?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, dari pengalaman kita apa yang menjadi masalah dahulu ialah oleh kerana latihan tidak diadakan dengan serentak tetapi satu pasukan yunit telah dihantar ke Australia, bukan sahaja pakar-pakar pembedahan jantung, bahkan juruteknik, jururawat, anaesthetists dan pakar-pakar dalam bidang ini dihantar ke Australia supaya mereka dapat latihan dan pengalaman sebagai satu unit, itulah sebab barangkali mereka boleh bekerja di sini dengan jayanya.

LESEN MEMBELI PADI

4. Dr George Chan Hong Nam: minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah kriteria-kriteria digunakan untuk memastikan sama ada seorang pemohon layak diberi lesen membeli padi; dan

- (b) bolehkah LPBN mengeluarkan lesen membeli padi kepada semua pekedai, termasuk pekedai kampung yang ingin meminta lesen tersebut untuk memudahkan pesawah-pesawah padi menjual padi mereka.

Menteri Perusahaan Utama (Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kriteria-kriteria yang digunakan sama ada seorang pemohon layak diberi pertimbangan bagi Lesen Membeli Padi adalah seperti berikut:
- (i) Pemohon mestilah Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang 21 tahun.
 - (ii) Mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah atau Sijil Pendaftaran Koperasi/Persatuan Peladang.
 - (iii) Mempunyai kemudahan-kemudahan seperti modal, ada premis perniagaan dan setor yang sesuai termasuk alat-alat timbang.
 - (iv) Bagi memohon Lesen Membeli dan Menyimpan Padi bertaraf Bagi Di Kilang sendiri, pemohon mestilah mempunyai kilang padi yang bertaraf komersial.
- (b) Semua pekedai termasuk pekedai kampung boleh memohon Lesen Membeli Padi sekiranya memenuhi kriteria-kriteria yang telah disebutkan di atas. Walau bagaimanapun, Lembaga Padi dan Beras Negara akan mengeluarkan lesen kepada pemohon-pemohon yang memenuhi semua syarat-syarat dengan

berpandukan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Kedudukan jumlah pelesen padi di sesuatu tempat.
- (ii) Kedudukan tempat pemohon hendaklah di kawasan yang selamat.
- (iii) Mempunyai kemudahan-kemudahan lain seperti pengangkutan untuk memberi perkhidmatan kepada petani-petani dalam memasarkan padi mereka.
- (iv) Keutamaan diberi kepada Syarikat-syarikat Kerjasama, Koperasi/Persatuan Peladang yang berniaga di kawasan jelapang padi.

BIMBINGAN KERJAYA (CAREER GUIDANCE) BAGI MURID-MURID

5. Tuan Yeoh Poh San minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk memperbaiki atas berkesannya lagi pimpinan cita-cita masa hadapan "Career Guidance" bagi murid-murid yang bakal tamat pelajaran biasa dalam Sekolah Menengah Kerajaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telahpun mengambil langkah-langkah berikut bagi meningkatkan lagi keberkesanan Bimbingan Kerjaya (Career Guidance) kepada semua pelajar sekolah menengah termasuk yang akan menamatkan persekolahan mereka.

Dari segi kakitangan (personnel):

- (1) Kementerian Pelajaran telah mengarahkan semua Guru Besar Sekolah menugaskan beberapa orang guru akademik

yang terlatih menjadi guru bimbingan dan kaunseling.

- (2) Guru Bimbingan ini telah diberi latihan sama ada di peringkat Masters, Diploma, Sijil atau Kursus dalam perkhidmatan.
- (3) Guru-guru ini juga dikurangkan masa mengajar mereka dalam darjah. Dengan pengurangan ini diharapkan guru bimbingan diberikan lebih banyak masa untuk menjalankan tugas bimbingan dan kaunseling.
- (4) Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru ini, Kementerian Pelajaran dari semasa ke semasa mengadakan Seminar dan Bengkel, dan juga persidangan-persidangan sama ada secara bersendirian atau dengan kerjasama universiti, Persatuan Panduan Kerjaya Malaysia dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua, dari segi Kerjaya pula, Kementerian Pelajaran telah:

- (1) Menyebarkan maklumat-maklumat yang sesuai ke sekolah-sekolah.
- (2) Dari semasa ke semasa, Kementerian Pelajaran mengaturkan ceramah-ceramah kerjaya oleh pegawai bimbingan Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri dan dari agensi luar bagi mendedahkan pelajar-pelajar ke dunia pekerjaan dan latihan yang lebih luas.
- (3) Pameran-pameran kerjaya sentiasa diadakan oleh Jabatan Pelajaran tiap-tiap negeri bagi memaparkan segala maklumat kerjaya. Baru-baru ini Kementerian Pelajaran telah mengadakan satu Expo Bimbingan dan kaunseling

peringkat kebangsaan di Kota Bharu, Kelantan.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah ataupun akan diambil oleh Kementerian bagi menentukan supaya guru-guru bimbingan ataupun dengan izin career guidance adalah benar-benar terlatih dan dilengkapi dengan semua pengetahuan yang perlu untuk memberi nasihat tentang peluang-peluang yang ada di bidang-bidang mahir, separuh mahir ataupun dengan izin semi-mahir, teknik-teknik teknologi dan separuh professional atau Sub-professional dalam bidang Kerjaya yang terdapat pada hari ini dan;

Kedua bagaimanakah guru

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat cukup, Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin menjawab?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, saya pun telah jawab soalan tambahan itu apabila saya menjawab soalan asas tadi.

Timbalan Yang Dipertua: Terima kasih, Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya guru panduan ataupun guidance teachers ini selalunya mempunyai beban dan juga tanggungjawab yang berat. Jadi apakah keistimewaan yang diberi kepada guidance teachers sama ada masa ataupun elaun atau apa yang diberi keistimewaan kepada mereka supaya membolehkan mereka itu tumpu sepenuhnya kepada tanggungjawab yang diberi kepada mereka.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, di dalam jawapan asal saya, saya telahpun memberi penjelasan

berkenaan untuk memberi masa yang lebih kepada guru-guru bimbingan ini kita telah mengurangkan masa mengajar mereka dalam darjah dan juga untuk memberi sebagai galakan atau motivation untuk guru-guru ini kitapun telah memberi peluang kepada guru-guru yang menjadi career guidance teachers mendapat peluang untuk mengikuti kursus di peringkat Masters, Diploma atau lain-lain kursus dari masa ke semasa, dan selepas mengikuti kursus ini peluang untuk naik pangkat pun lebih baik.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang Dipertua, kita tahu sekarang bahawa sekolah-sekolah boleh dikatakan sesak ertinya tidak mencukupi dengan bilik-bilik darjah. Adakah Timbalan Menteri berkenaan bercadang untuk pembinaan sekolah-sekolah pada masa akan datang mengadakan bilik-bilik khas bagi perkara-perkara tertentu umpamanya bilik career guidance ini supaya sesuai dengan permodenan dalam bidang pelajaran.

Dr Tan Tiong Hong: Ini kita akan mengkaji.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Apakah kajian tersebut berdasarkan keperluan tenaga negara kita?

Dr Tan Tiong Hong: Ada.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dari segi nisbah murid-murid dan guru, jadi berapa orang murid bagi seorang guru bagi sesebuah sekolah, bagi guru-guru bimbingan ataupun Kerjaya.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, untuk nisbah atau ratio untuk guru guidance kepada murid-murid, di masa sekarang ini saya tidak ada maklumat berkenaan ratio ini dan

saya akan memberi dengan secara bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Di manakah kursus dalam perkhidmatan di peringkat sarjana ataupun diploma bagi guru-guru bimbingan itu dijalankan dan berapakah telah diiktirafkan dengan kelayakan tersebut.

Dr Tan Tiong Hong: Saya minta notis untuk memberi angka-angka guru-guru yang telah dilatih.

Timbalan Yang Dipertua: Soalan terakhir Yang Berhormat dari Ulu Selangor!

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bimbingan Kerjaya ataupun Career Guidance dengan izin diberi kepada penuntut-penuntut mengikut kecenderongan minat seseorang penuntut itu ataupun mengikut keperluan tenaga masyarakat atau negara. Kalau jawapannya mengikut keperluan masyarakat bagaimana koordinasi ataupun bagaimana kita tahu keperluan masyarakat keseluruhannya?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan ini sudah luar dari soalan yang asal tetapi adalah garis panduan yang digunakan oleh guru-guru bimbingan. Satu, ialah untuk kita mengambil kira manpower requirements di negara kita tetapi juga kita mengambil kira minat pelajar itu dan juga adakah characteristic murid itu sesuai untuk sesuatu kerja. Maknanya dari satu contoh bolehkah murid itu berbual mesra dengan orang atau sukakah murid itu bekerja bersendirian dan characteristic ini akan juga diambil pertimbangan apabila memberi counselling untuk memiliki sesuatu kerja dan juga berpendapat ibubapa ada diberi perhatian berkenaan memberikan advice untuk murid-murid khususnya

untuk mengikuti sesuatu mata-pelajaran atau kursus di institusi tertinggi.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam memberikan bimbingan kerjaya adakah Kementerian melalui guru-guru kerjayanya memberi penekanan yang lebih atau emphasis kepada "white collar jobs" atau kepada "blue collar jobs".

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, apa yang saya telah sebutkan tadi counselling akan diberi mengikuti manpower requirement atau tenaga mahir yang perlu kita ada di negara kita ini. Pada peringkat sekarang kita telah mula memberikan encouragement kepada murid-murid kita untuk mengikuti kursus teknikal dan vokasional oleh kerana kita sedang memasuki zaman perindustrian dan teknologi.

BUKU HIJAU—KEJAYAAN

6. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang telah dicapai di bawah sistem Buku Hijau, berapa ekar tanah yang telah diusahakan mengikut sistem Buku Hijau sejak ianya dilancarkan dan adakah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah selesai menyiapkan laporan mengenai Buku Hijau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, Kempen Rancangan Buku Hijau, peringkat pertama, yang dilancarkan pada 24-12-74 adalah untuk:

- (1) melipatgandakan pengeluaran bahan makanan; dan
- (2) menambahkan pendapatan rakyat luar bandar sebagai usaha membendung inflasi ketika itu.

Pelaksanaan Rancangan Buku Hijau Peringkat I itu telah menunjukkan kejayaan yang amat besar terutamanya semasa dua tahun yang pertama ketika kempen tersebut giat dijalankan.

Pada enam bulan yang pertama, iaitu dari akhir Disember 1974 hingga akhir Jun 1975 tanah seluas 4,677 hektar telah dimajukan dengan tanaman jangka pendek, di bawah Rancangan Buku Hijau. Selain daripada itu, 27,858 batas tanaman telah juga diusahakan di halaman rumah-rumah.

Dalam tempoh waktu yang sama, penternakan ikan dan ayam di bawah Rancangan Buku Hijau telah juga bertambah. Jumlah ayam yang dipelihara melebihi 25,000 ekor manakala jumlah keluasan kolam-kolam ikan adalah 37 hektar.

Dalam tiga bulan selanjutnya, keluasan tanaman jangka pendek telah meningkat hingga hampir 5 kali ganda, iaitu dari 4,677 hektar menjadi 27,084 hektar (67,710 ekar) termasuk tanaman kontan oleh RISDA. Selain daripada itu keluasan tanaman jangka pendek yang dimajukan oleh pihak estet-estet sebagaimana yang dilaporkan oleh United Planting Association, berjumlah 2,114 hektar.

Dengan kejayaan yang besar pada peringkat Rancangan Buku Hijau I, Kerajaan telah melancarkan pula Rancangan Buku Hijau peringkat kedua pada 1976, untuk melanjutkan usaha bercucuk tanam bagi keperluan sendiri kepada keperluan pasaran. Oleh itu kegiatan-kegiatan pertanian dihalakan kepada tujuan mencapai tahap pertanian yang "modern, intensive and commercial". Urusan-urusan perancangan, persediaan, pelaksanaan, pemasaran dan penilaian telah dilakukan. Rancangan Buku Hijau II dirancang dan dilaksanakan di kawasan yang jumlah keluasannya sebesar 4,752 hektar.

Kempen Rancangan Buku Hijau lama kelamaan telah diserap sehingga menjadi bahagian mutlak dan tugas harian jabatan-jabatan Kerajaan, terutamanya agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian. Selain daripada itu, setengah-setengah program Rancangan Buku Hijau dahulu telah menjadi projek-projek Rancangan Desa Usaha, Rancangan Ekonomi Keluarga, Rancangan Belia Peladang dan sebagainya. Pada masa ini, Kementerian Pertanian terus melaksanakan Skim Pemasaran Bersepadu di 34 kawasan.

Oleh itu selepas 1978, laporan-laporan Rancangan Buku Hijau tidak lagi dikesani sedemikian oleh pihak Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa sikap berusaha sendiri untuk keperluan sendiri belum berjaya sepenuhnya dan bahawa pada masa ini masih terdapat jumlah kawasan tanah yang banyak juga tidak diusahakan sepenuhnya, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah mengarahkan agar kempen seumpama Rancangan Buku Hijau diadakan semula. Untuk tujuan ini beliau telah mengarahkan Jabatan Perdana Menteri (Unit Penyelarasan Pelaksanaan) membuat laporan lengkap mengenai Rancangan Buku Hijau kepada beliau. Laporan tersebut telahpun siap dan sekarang ini dalam pertimbangan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Begitu berjaya sekali Buku Hijau semasa inflasi melanda negara tahun 1974/75 dan pihak Kerajaan telah melaksanakan peringkat kedua pada tahun 1976. Oleh kerana Menteri di Jabatan Perdana Menteri menerangkan bahawa pada masa ini tugas hari telah digantikan kepada tugas harian, walaupun rakyat rasa pada masa kemelesetan ekonomi negara ini pada hari ini Buku Hijau telah lenyap, senyap dan tidak disebut-sebut lagi

langsung, maka inilah satu pertanyaan daripada rakyat untuk diterangkan di Dewan ini.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, apa soalnya?

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Mengapa Buku Hijau senyap, tidak seperti dahulu. Jadi rakyat hendak tahu kemelesetan negara pada masa ini patut diadakan.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, jawapan saya yang agak panjang tadi telah pun saya katakan bahawasanya Rancangan Buku Hijau itu sekarang ini telah pun diserapkan dalam berbagai-bagai rancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian-kementerian seperti Pertanian, Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dahulu kita mengadakan rancangan Buku Hijau itu kerana kita mengharapkan dengan ada satu kempen maka ia akan membawa satu catalytic process ataupun satu proses yang dapat mempercepatkan usaha ke arah memajukan bidang usaha sendiri dalam bidang pertanian itu. Dengan kejayaan peringkat pertama dan peringkat kedua, sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi maka aspek-aspek Buku Hijau itu telah diambil oleh ketiga-tiga Kementerian yang disebutkan. Walaupun oleh sebab agaknya perkataan "Rancangan Buku Hijau" itu sudah menjadi seolah-olah sebagai satu slogan penggerak maka sebab itulah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada masa beliau berada di Negeri Sembilan, di Kuala Pilah telah mengarahkan supaya kempen seperti Buku Hijau itu dimulakan semula dan untuk tujuan itu beliau hendak melihat apakah aspek-aspek kejayaan yang telah dicapai selama ini dan apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat supaya dapat diperbaiki. Dalam lain

perkataan, walaupun kita tak sebut Rancangan Buku Hijau tetapi kehendak rancangan itu sekarang ini sedang berjalan dengan baik.

PERSIDANGAN MENTERI- MENTERI LUAR NEGARA ISLAM (OIC)

7. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkara-perkara yang dibincangkan di dalam Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam (OIC) di Niger baru-baru ini dan apakah hasilnya terutama sekali berhubung dengan cadangan beliau supaya satu strategi digubal untuk memupuk kerjasama melintangi semua negara-negara Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam (OIC) yang ke 13 yang berlangsung di Niamey, Niger pada 22hb-26hb Ogos, 1982, telah membincangkan perkara-perkara yang merangkumi bidang-bidang politik, penerangan, Ekonomi, Sosial, Kebudayaan dan Hal Ehwal Islam, Pentadbiran dan Kewangan. Kesemuanya, Persidangan telah membincangkan lebih daripada 100 perkara yang terkandung di dalam agenda Persidangan itu. Antara isu-isu antarabangsa yang dibincangkan ialah mengenai masalah Palestine dan Timur Tengah termasuk isu Baitul Muqaddis, masalah pertikaian Iran/Iraq dan masalah Afghanistan.

Persidangan telah menegaskan supaya negara-negara Islam mengambil satu pendirian yang tegas terhadap Israel dan penyokong-penyokongnya terutamanya terhadap negara yang telah memberikan bantuan kepada Israel sama ada dari segi ketenteraan, moral, politik dan ekonomi. Negara-negara Islam diseru supaya bersatu padu menyelaraskan segala tindakan dalam menghadapi

sikap berdegil Israel itu. Negara-negara Islam juga diseru supaya meberhentikan pertikaian sesama sendiri dan menumpukan segala usaha mengatasi masalah yang dihadapi bersama ini.

Mengenai masalah ekonomi, Persidangan telah menekankan betapa pentingnya negara-negara Islam mengetatkan lagi perpaduan dan persefahaman bagi mewujudkan satu strategi kerjasama ekonomi yang lebih berkesan. Ini bermakna, negara-negara Islam perlu menyelaraskan keutamaan masing-masing bagi menjayakan rancangan-rancangan kerjasama dikalangan negara-negara anggota.

Antara rancangan-rancangan kerjasama ekonomi yang penting ialah penubuhan satu Program Tindakan (Plan of Action) yang telah dipersetujui oleh Pertubuhan Persidangan Islam. Ianya merangkumi kerjasama dalam bidang pertanian dan makanan; perdagangan; pengangkutan; perhubungan; sains dan teknologi; kewangan; penggunaan tenaga dan juga pelancungan. Selain dari itu telah dipersetujui juga penubuhan satu Program Pembangunan Dunia Islam (Development Programme of the Muslim World) yang mana bantuan-bantuan untuk rancangan-rancangan pembangunan kepada negara-negara ahli daripada negara-negara ahli yang mampu memberikannya adalah diselenggarakan melalui Sekretariat Islam. Negara-negara yang mampu memberi bantuan itu, iaitu Arab Saudi, Kuwait, Emirate Arab Bersatu dan Qatar, telah bersetuju untuk mengumpulkan peruntukan sebanyak US\$3 billion untuk tujuan ini.

Mengenai Program Tindakan di atas negara-negara ahli di Persidangan di Niamey itu diseru supaya menumpukan perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap perlaksanaannya dan mengumpulkan segala sumber-sumber yang ada bagi mengukuhkan lagi pembangunan ekonomi dunia Islam. Persidangan juga menggesa negara ahli yang kaya agar memberi

sumbangan terhadap Program Pembangunan Dunia Islam yang dipersetujui itu bagi membolehkan program ini dilancarkan secepat mungkin. Untuk melaksanakan tujuan ini Urusetia Pertubuhan Persidangan Islam diarah supaya memanggil satu mesyuarat secepat mungkin. Semua negara-negara yang memberi bantuan dikehendaki hadir bagi merangkakan tindakan dan strategi yang akan diambil bagi melaksanakan Program Pembangunan ini yang akan memberi keutamaan kepada projek-projek infrastruktur, pertanian dan bekalan elektrik.

Langkah-langkah di atas itu, jika dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh negara-negara ahli sudah tentu ianya akan merupakan sebahagian daripada strategi terhadap memupuk kerjasama di antara semua negara-negara Islam dengan berkesan.

Tuan Ismail bin Said: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa lebih dari 100 perkara telahpun dibincangkan. Jadi salah satu daripada negara Islam yang terbesar iaitu Mesir telahpun dipecat keanggotaannya daripada OIC oleh kerana negara ini terlibat dengan Perjanjian Camp David dengan Israel. Saya ingin tahu sama ada masalah ini turut juga diperbincangkan dan apakah sebarang keputusan dicapai tentang masalah keanggotaan Mesir ini?

Yang kedua, saya masih ingat dalam satu jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam Dewan ini bahawa beliau pernah menyatakan tidak semua negara OIC menyertai persidangan ini. Jadi saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya jadi begini, sama ada mereka ini tidak bersetuju dengan persidangan ini ataupun mereka ini tidak bersetuju dengan tempat persidangan ini diadakan ataupun mereka tidak bersetuju dengan agenda item yang diperbincangkan dalam persidangan tersebut

dan adakah ini menunjukkan bahawa

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, perbincangan untuk membawa masuk Mesir ke dalam OIC ini memang sudah pun dibincangkan tetapi tumpuannya adalah dengan cara perbincangan-perbincangan yang tidak secara langsung dan insya Allah memang berbagai-bagai usaha sedang pun dijalankan untuk membawa balik Mesir ke dalam famili dunia Islam.

Keduanya mengenai kehadiran dalam OIC ini yang saya pernah menyatakan adalah kehadiran dalam mesyuarat khas OIC untuk membincangkan pencerobohan Israel terhadap Lebanon; yang kita maksudkan ini ialah Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang biasa iaitu mesyuarat tahunan.

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 16 adalah diberi di bawah ini)

DOKTOR DI HOSPITAL KERAJAAN—KEKURANGAN

8. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar bahawa hospital-hospital Kerajaan di negara ini menghadapi kekurangan doktor; jika demikian, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menarik lebih ramai doktor-doktor berkhidmat dengan Kerajaan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu jawapan telah diberikan kepada soalan yang seakan-akan sama pada 14hb Oktober 1982 di Dewan yang mulia ini, mengenai

kekurangan doktor dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaannya. Saya juga telah memberi penjelasan lebih lanjut lagi tentang masalah ini semasa menggulung perbahasan atas Titah Ucapan Diraja pada 21hb Oktober, 1982. Setakat ini saya tidak ada apa-apa tambahan kepada penjelasan dan jawapan yang telah diberi atas soalan ini.

PERPECAHAN UMAT ISLAM ANJURAN BADAN DAKWAH ISLAM

9. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar Kerajaan telah menganjurkan perjumpaan dengan Badan-badan Dakwah Islam bagi mengatasi masalah perpecahan umat Islam terutama isu dua imam dan perbuatan kafir-mengkafir sesama Islam dalam Negeri Trengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis. Jika ia nyatakan jaminan mereka beri untuk membantu negara bagi mengatasi masalah ini dan sejauh manakah kejayaan mereka selama ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed: Perjumpaan anjuran Jabatan Perdana Menteri dengan Badan-badan Dakwah Islamiah telah diadakan dalam usaha mengatasi masalah perpecahan umat Islam akibat berlakunya peristiwa sembahyang dua imam dan perbuatan kafir-mengkafir sesama umat Islam terutamanya di Negeri Trengganu dan Kelantan. Antara Badan Dakwah Islam yang hadir dalam perjumpaan yang diadakan pada 10hb Ogos, 1982 ialah Persatuan Ulamak Malaysia, Persatuan Bekas Mahasiswa Timor Tengah, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Darul Arqam, PKPIM, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Fakulti Pengajian Islam UKM, Akademi Islam Universiti Malaya dan Pertubuhan-pertubuhan Islam Universiti-universiti.

Di dalam perjumpaan tersebut, penerangan telah diberikan mengenai peristiwa dua imam dan isu takfir (Kafir-mengkafir) yang berlaku. Pihak Kerajaan merayu agar pertubuhan-pertubuhan dakwah turut memainkan peranan secara positif supaya mengawal perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu. Pihak Kerajaan juga menjelaskan bahawa langkah-langkah positif yang diambil di dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan juga cuba diperkecilkan untuk memenuhi maksud politik yang sempit. Dari itu pertubuhan-pertubuhan dakwah telah diminta untuk membuat tegoran membina di samping bertindak menyebarkan risalah Islam secara yang lebih bertanggungjawab. Pihak Kerajaan juga bersedia menerima pandangan serta tegoran yang membina daripada kalangan ulama dan pendakwah.

Wakil-wakil pertubuhan dakwah memberi pengakuan akan meneruskan langkah-langkah mengatasi masalah tersebut. Pihak Kerajaan difahamkan bahawa satu Jawatankuasa telah dibentuk dan wakil-wakil mereka juga telah meninjau keadaan di Trengganu dan Kelantan. Pihak Kerajaan tentunya akan menimbang saranan-saranan dari mereka.

SEKOLAH MENENGAH BERASRAMA PENUH BILANGAN PENUNTUT

10. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah penuntut-penuntut yang sedang mempelajari di sekolah menengah berasrama penuh pada masa ini dan apakah kriterianya seorang murid diambil untuk belajar di sekolah menengah berasrama penuh.

Dato' Mohamed Khalid Yaakob: Pada masa ini terdapat seramai 13,980 orang pelajar dari Tingkatan I hingga VI Atas sedang belajar di 23 buah Sekolah Berasrama Penuh seluruh negara.

Pemilihan masuk ke sekolah berasrama penuh adalah didasarkan kepada kecapaian murid-murid di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V. Prioriti pemilihan adalah diberi kepada murid-murid dari luar bandar yang kurang mendapat kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang baik.

PERUNTUKAN SEKOLAH— MENGURANGKAN

11. Dr Tan Seng Gian minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar Kementeriaannya telah membatalkan peruntukan OCAR untuk semua sekolah di negara ini bagi suku tahun yang keempat, dan sebagainya termasuk peruntukan bagi suku tahun yang ketiga juga; jika benar, adakah beliau sedar pihak sekolah hendaklah membayar bil-bil air, elektrik dan sebagainya dengan wang simpanan sendiri kutipan dari kantin sekolah.

Dr Tan Tiong Hong: Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, sekarang kedudukan ekonomi negara-negara di dunia ini termasuk negara kita adalah dalam keadaan yang kurang sihat dan oleh itu untuk mengatasi perkara ini Kerajaan telah memutuskan bagi mengurangkan perbelanjaan dalam tahun 1982 ini dan juga perbelanjaan bagi tahun 1983 nanti. Oleh itu pengurangan perbelanjaan ini terpaksa ditampung oleh tiap-tiap Kementerian termasuklah Kementerian Pelajaran yang mana bukan saja di peringkat Kementerian malahan di semua peringkat, iaitu ke Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan juga ke sekolah-sekolah.

Walau bagaimanapun pemberian bagi suku tahun ketiga telah pun dibayar dan oleh itu apa yang disarankan oleh Yang Berhormat itu adalah kurang tepat.

Kementerian ini adalah sedar tentang keperluan kewangan oleh sekolah-sekolah untuk menampung

bayaran-bayaran yang mesti diselesaikan pada masa-masa yang tertentu. Walau bagaimanapun Kementerian adalah juga sedar bahawa sebahagian daripada sekolah-sekolah mempunyai punca kewangannya tersendiri dan saya yakin mereka tidak akan terkandas sekiranya bantuan ini dibatalkan ataupun dikurangkan. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran akan menentukan sekolah-sekolah yang tidak mampu terutamanya sekolah-sekolah kecil di luar bandar akan diberi bantuan yang diperlukan supaya mereka tidak terkandas.

BELIA NELAYAN— TARAF HIDUP

12. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pertanian menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementeriaannya untuk menolong membaiki taraf hidup belia-belia nelayan di seluruh negara.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Di dalam sektor penangkapan ikan sekarang ini didapati lebih-kurang 11,000 orang belia daripada 82,000 orang nelayan. Kebanyakan daripada mereka menangkap ikan secara tradisional dan beberapa langkah sedang dijalankan untuk melatih mereka-mereka yang berminat terus dalam sektor ini dengan cara menggunakan bot-bot besar dan alat-alat moden bagi melengkapkan mereka dalam usaha menangkap ikan di laut dalam. Latihan-latihan sedang diadakan di Instituti Perikanan di mana di Instituti ini bukan sahaja mereka diberi latihan secara teorinya tetapi latihan-latihan praktikal di laut juga diadakan.

PASPOT MALAYSIA— PENGELUARAN

13. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan sama ada hanya warga-negara saja berhak mempunyai Kad

Pengenalan warna biru; jika ya, sama ada seseorang rakyat yang mempunyai Kad Pengenalan warna biru yang berkelakuan baik dan ingin melawat ke luar negeri akan diberi paspot Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Sukalah saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini iaitu kesemua warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun ke atas mestilah mempunyai kad pengenalan biru. Walau bagaimanapun tidak semua pemegang kad pengenalan biru semestinya warganegara Malaysia. Oleh yang demikian, dengan hanya memiliki kad pengenalan biru, berkelakuan baik dan berkeinginan keluar negeri sahaja, tidaklah menjamin pengeluaran Paspot Malaysia kepada mereka yang berkenaan.

PERKHIDMATAN 'SHUTTLE' MAS-SIA

14. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar bahawa selepas perkhidmatan penerbangan "Shuttle" MAS dan SIA diperkenalkan di antara Kuala Lumpur dan Singapura, maka penumpang-penumpang yang ingin membuat penempahan tempat-tempat duduk untuk jadual penerbangan yang ditentukan mestilah membayar tambang yang melebihi (extra) sehingga 30% dan jika benar, apakah kriteria di mana sistem penerbangan telah diasaskan dan dikenakan yang sedemikian itu.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Mulai 1hb November, 1982, MAS dan SIA telah memperkenalkan perkhidmatan penerbangan bersama "Shuttle" di antara Kuala Lumpur dan Singapura dan sebaliknya. Perkhidmatan "Shuttle" ini bertujuan memudahkan lagi perjalanan udara pada sektor tersebut.

Penumpang-penumpang tidak lagi perlu membuat tempahan tempat duduk untuk membuat penerbangan. Mereka hanya perlu membeli tiket-tiket "Shuttle" ini di mana-mana kaunter menjual tiket MAS/SIA atau agen-agen mereka dan terus pergi ke Lapangan Terbang untuk "check-in" bagi mana-mana penerbangan yang dikehendaknya. Oleh kerana urusan "check-in" bagi perkhidmatan "Shuttle" telah diringkaskan, penumpang-penumpang tidak lagi perlu beratur lama.

Penumpang-penumpang juga boleh menggunakan tiket yang sama sama ada mereka menaiki penerbangan MAS atau SIA. Ini akan menyenangkan penumpang-penumpang kerana jika mereka terlewat atau terlepas sesuatu penerbangan itu mereka boleh menaiki penerbangan yang berikutnya sama ada penerbangan MAS atau SIA. Jadual penerbangan telah juga diatur supaya dapat memenuhi permintaan pasaran sepanjang hari.

Untuk makluman Yang Berhormat adalah menjadi hasrat MAS dan SIA untuk menggalakkan orang ramai menggunakan kemudahan perkhidmatan "Shuttle" ini secara menyeluruh. Dengan yang demikian kedua-dua syarikat penerbangan mendapati perlu untuk mengadakan dua jenis tambang bagi mencapai tujuan ini iaitu Tambang "Shuttle" dan Tambang Dengan Penempahan. Tambang "Shuttle" telah dikenakan mengikut kadar tambang lama iaitu \$98 bagi Kelas Ekonomi dan \$140 bagi Kelas Pertama bagi perjalanan sehala.

Bagaimanapun, oleh kerana ada sebilangan orang ramai yang ingin membuat penempahan tiket, MAS dan SIA mendapati perlu untuk mengadakan "Surcharge" sebagai bayaran tambahan kepada kadar biasa "Shuttle" untuk membayangkan kos mengadakan perkhidmatan penempahan (reservation facilities) dan kakitangan-kakitangan khas

untuk memproses penumpang-penumpang ini. "Surcharge" yang dikenakan ialah \$32 bagi Kelas Ekonomi dan \$40 bagi Kelas Pertama.

KELAS UGAMA ISLAM

15. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid meminta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kelas-kelas Ugama Islam dan membaca Al-Quran yang dianjurkan oleh KEMAS telah mendapat sambutan yang hangat dari umat-umat Islam di negara ini dan jika ya, sama ada beliau bercadang menambah bilangan Guru-guru Ugama dan membaca Al-Quran untuk menemui kehendak yang bertambah dan langkah-langkah yang diambil untuk menyerapkan mereka ke dalam jawatan tetap dan berpenčen.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Ya, sedar. Memang telah menjadi dasar Kementerian ini untuk menambah bilangan Guru-guru Ugama dari masa ke semasa. Ini bergantunglah kepada permintaan/sambutan daripada masyarakat. Perkara ini telah pun saya sentuh di dalam Ucapan Mengulung Perbahasan Titah Ucapan Di Raja pada 20hb Oktober, 1982 yang lalu. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat di sini, diperturunkan kedudukan Kelas-kelas Ugama sehingga pertengahan tahun 1982:

Negeri	PM		
	Ugama	Kelas	Peserta
Perak	383	1,575	35,965
Kedah	252	1,002	12,000
Pulau Pinang	47	278	4,480
Selangor	180	979	13,109
W. Persekutuan	31	129	2,690
Pahang	232	597	13,125
Kelantan	390	847	14,930
	<u>1,515</u>	<u>5,407</u>	<u>96,299</u>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk menyerapkan jawatan Guru-guru Ugama ke dalam jawatan tetap dan berpenčen. Ini adalah disebabkan oleh struktur dan taraf perjawatan serta perkhidmatan Penyelia dan Pemaju Masyarakat (Guru-guru KEMAS) adalah berbeza daripada jawatan-jawatan yang lain itu.

DASAR PANDANG KE TIMUR

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menerangkan mengapa Kerajaan mengamalkan dasar pandang ke Timur sedangkan kedudukan kewangan Negeri Jepun tidak begitu stabil dan kenapa tidak menukar pandangan ke Timur Tengah kiranya pandang ke Barat tidak sesuai.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Dalam menentukan perhubungan antarabangsa, Kerajaan tidak mengambil kira faktor ketidaksetabilan kedudukan kewangan sesebuah negara itu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, hampir semua negara di dunia ini tertakluk kepada finomina yang sama, tambahan pula Dasar Pandang ke Timur ini adalah bertujuan untuk mendapat kemahiran, teknologi dan teknik pengurusan yang boleh digunakan untuk pembangunan negara kita.

Beralih kepada pertanyaan Yang Berhormat iaitu "kenapa tidak menukar pandangan ke Timur Tengah kiranya pandangan ke Barat tidak sesuai", sebenarnya persoalan itu tidak berbangkit. Sebelum Kerajaan melaksanakan dasar Pandang ke Timur ini, perhubungan yang rapat telah sedia wujud di antara negara kita dengan beberapa negara di Timur Tengah. Misalnya, di dalam bidang akademik, Kerajaan telah menghantar

ramai penuntut dengan biasiswa ke negara-negara Timur Tengah seperti Mesir, Iraq dan Turki. Bilangan

penuntut yang dihantar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut:

A. MESIR

<i>Tahun</i>	KURSUS				<i>Jumlah</i>
	<i>Perubatan</i>	<i>Pergigian</i>	<i>Farmasi</i>	<i>Pengajian Islam</i>	
1971	7	—	—	—	7
1972	11	—	—	—	11
1973	34	—	—	—	34
1974	17	—	—	1	18
1975	20	1	5	3	29
1976	7	7	7	1	22
1977	48	6	6	6	66
1978	1	5	7	10	23
1979	—	—	—	8	8
1980	—	—	—	20	20
JUMLAH ..	145	19	25	49	238

B. IRAQ

<i>Tahun</i>	KURSUS			<i>Jumlah</i>
	<i>Perubatan</i>	<i>Pergigian</i>	<i>Farmasi</i>	
1974	5	4	4	13
1975	—	—	—	—
1976	1	1	2	4
1977	1	1	1	3
1978	—	—	—	—
1979	—	—	—	—
1980	—	—	—	—
1981	10	—	2	12
JUMLAH ..	17	6	9	32

C. TURKI

Tahun	Kursus	Bilangan
1980	Ekonomi	1
1981	Perubatan	2
	JUMLAH ..	3

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (4hb November, 1982).

DAN
USULANGGARAN PEMBANGUNAN,
1983

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan-wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak \$11,669,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulan-wang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diumumkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu bersetentang

dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (4hb November, 1982).

Timbalan Yang Dipertua: Menteri-menteri menjawab. Jabatan Perdana Menteri.

4.07 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk memberi jawapan dan penjelasan terhadap pandangan, teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri, yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai tugas dan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Dalam tempoh perbahasan, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh berbagai perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri, terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dan pembangunan. Saya tidaklah bercadang hendak menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan kerana ada di antaranya yang telah dijelaskan sama ada dalam masa soal-jawab ataupun dalam ucapan gulungan Usul Menjunjung Kasih tempoh hari.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mendakwa bahawa usaha Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membenteraskan rasuah adalah satu propaganda sahaja dan perbuatan rasuah berlaku dengan lebih "cekap" lagi. Beliau seterusnya mendakwa bahawa Kerajaan telah memberi imej bahawa rasuah telah dibenteras. Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu sengaja mengada-adakan perkara yang tidak disebut oleh kerajaan. Kerajaan tidak pernah mendabek

dada bahawa rasuah telah dihapuskan. Kalau rasuah telah dihapuskan maka tidaklah perlu kita mengadakan satu badan khas untuk membenters rasuah.

Untuk membolehkan Ahli Yang Berhormat tersebut lebih faham, saya mengambil kesempatan ini untuk mengulangi keazaman pucuk pimpinan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. Keazaman Kerajaan adalah diikuti dengan amalan. Kerajaan telah dan akan terus memberi sepenuh perhatian kepada usaha-usaha membenterskan segala bentuk amalan rasuah di negara ini. Kegigihan Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjalankan usaha-usaha ini telah menimbulkan perasaan takut di kalangan mereka yang mengamalkan rasuah, sehingga ada setengah daripada mereka telah cuba menggunakan pihak-pihak tertentu untuk mendesak Kerajaan supaya memperlahankan tempo pencegahan rasuah yang sedang berjalan sekarang. Ini jelas menunjukkan bahawa tindakan membenterskan rasuah bukanlah satu propaganda, malahan ia merupakan satu usaha luhur yang telah mula meninggalkan kesan yang positif.

Badan Pencegah Rasuah sekarang sedang giat menjalankan siasatan terhadap orang-orang yang didapati terlibat dengan amalan rasuah. Sebilangan besar daripada orang-orang yang terlibat telah mula merasa kecut dan takut diheretkan kemuka pengadilan. Ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang juga terlibat dengan rasuah telah meletakkan jawatan. Jadi adakah ini dikatakan bahawa BPR masih tak efektif lagi?

Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak pernah mengenakan apa-apa sekatan kepada BPR walaupun orang yang kena tuduh itu merupakan orang kuat atau tulang belakang dalam parti termasuk parti pemerintah. Rekod

Kerajaan ini dan Kerajaan-kerajaan sebelumnya, sejak kita mencapai kemerdekaan, menunjukkan bahawa Kerajaan menyokong penuh tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak-pihak pencegah rasuah untuk membenters rasuah. Tidak kurang daripada 3 orang Menteri Besar dan seorang Menteri dalam Kerajaan Pusat yang terlibat dengan rasuah telah disingkirkan. Selain daripada itu, ramai juga anggota pentadbiran dan pegawai Kerajaan yang telah didakwa kerana terlibat dengan rasuah. Sekali lagi saya tegaskan bahawa Kerajaan tidak teragak-agak, tidak akan memilih bulu dan akan terus mendakwa mereka yang didapati melakukan rasuah. Soal sama ada mereka itu orang kuat parti, "ikan jerung" atau "ikan bilis" tidak diambil kira sama sekali.

Pada hemat saya, ucapan Ahli Yang Berhormat itu menggambarkan ketandusan dan kehausan isu-isu politik yang dialami oleh Partinya sekarang. Ucapannya mengenai rasuah tidak sedikitpun memberi penghargaan kepada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan. Nampaknya, Ahli Yang Berhormat itu lebih berminat untuk mencari popularity yang murah dan sentiasa mencari dalih untuk menunjukkan bahawa segala tindakan Kerajaan untuk membenterskan rasuah adalah tidak berkesan.

Usaha-usaha kita hari ini membuktikan keazaman, kemampuan dan kesungguhan Kerajaan mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. Oleh yang demikian tidak perlu ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen untuk menguruskan hal ini. Tambahan pula jika jawatankuasa itu ditujukan khas untuk konsep Bersih, Cekap dan Amanah dalam pentadbiran, terdapat banyak sekali perkara yang bersangkutan dengan usaha menambah kecekapan pentadbiran yang tidak sesuai untuk diberikan kepada satu

jawatankuasa seperti yang dicadangkan.

Tuan Yang Dipertua, dalam keghairahannya hendak mencari salah Kerajaan, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah mempersoalkan pemberian tender pembinaan sebuah masjid di Keluang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peruntukan yang telah diluluskan bagi projek masjid di Kg. Tengah, Keluang ialah sebanyak \$600,000. Apabila tender dipanggil oleh Jabatan Kerja Raya, 4 buah syarikat telah mengemukakan sebutharga masing-masing, iaitu \$437,150, \$686,000; \$688,000 dan \$886,440. Lembaga Tender Negeri seterusnya telah menimbang dan bersetuju memberi tender kepada penender yang menyebut \$688,000 untuk tempoh 48 minggu, iaitu harga dan tempoh masa penyiapan yang paling menasabah mengikut taksiran Jabatan Kerja Raya.

Pihak Lembaga Tender tidak bersetuju memberikan tender kepada penender yang paling rendah oleh kerana pihak Jabatan Kerja Raya berpendapat harga tender yang dikemukakan adalah terlalu rendah, iaitu 35% dari anggaran pihak Jabatan Kerja Raya. Jabatan Kerja Raya juga berpendapat iaitu pembinaan masjid berkenaan tidak akan dapat dijalankan dengan memuaskan sekiranya tender terendah sekali, iaitu yang bernilai \$437,150 diterima. Oleh itu, soal pembaziran wang awam yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul. Kerajaan adalah sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan sesuatu projek. Pertimbangan diberi bukan sahaja dari segi penjimatan perbelanjaan, bahkan juga dari segi menentukan supaya sesuatu projek itu dilaksana dan disiapkan dengan memuaskan. Dalam kes seperti ini, biarlah kita alah membeli asalkan menang memakai.

Tuan Yang Dipertua, berdasarkan kepada maklumat yang diterimanya dari apa yang dikatakannya sebagai "kakitangan" Hotel Jayapuri, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menuduh bahawa PERNAS berniat untuk menggantikan kakitangan bukan Melayu dengan pekerja-pekerja baru, yang mana sejumlah 90-95% adalah terdiri dari orang-orang Melayu. Tuduhan ini tidak benar.

Sebagaimana diketahui, PERNAS adalah dalam peringkat mengubahsuai Hotel Jayapuri menjadi P.J. Hilton. Kerja tersebut memakan masa. Oleh kerana PERNAS tidak dapat membiayai pekerja-pekerja itu dalam tempoh hotel itu tidak beroperasi, maka keputusan telah dibuat untuk menamatkan perkhidmatan semua pekerja hotel tersebut mulai akhir bulan ini. Namun demikian, semua pekerja akan diberi peluang memohon semula pekerjaan dengan Hilton International yang akan mengendalikan hotel itu apabila dibuka kelak. Peluang pekerjaan dengan P.J. Hilton akan dibuka kepada semua calon yang layak baik bumiputera ataupun bukan bumiputera, tertakluk kepada jenis jawatan yang diwujudkan dan kemahiran yang diperlukan. PERNAS tidak berniat sama sekali hendak merampas peluang pekerjaan dari golongan bukan Bumiputera yang diberhentikan. Malah semua pekerja adalah digalakkan memohon untuk berkhidmat semula dengan P.J. Hilton memandangkan kekurangan tenaga mahir dalam industri perhotelan.

Tuan Yang Dipertua, isu-isu berkaitan dengan kecekapan pentadbiran dan jentera Kerajaan telah disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, khususnya dari Parit Buntar, Ulu Nerus dan tidak ketinggalan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah mencadangkan supaya sistem Majlis Tindakan yang ada

sekarang dikaji semula. Lebih khusus beliau mencadangkan supaya satu peringkat di bawah sedikit daripada Majlis Tindakan Negara diadakan. Ingin saya menjelaskan bahawa sistem Majlis Tindakan Negara adalah satu sistem yang baik bagi menyelaraskan pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan, memperolehi laporan mengenai pelaksanaan program-program, mengesani masalah-masalah yang dihadapi serta mendapat penyelesaian yang cepat terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh agensi-agensinya. Agensi-agensi Kerajaan dikehendaki mengambil tindakan segera bagi melaksanakan ketetapan yang dibuat oleh Majlis. Bagi maksud tersebut, biasanya Kementerian/Agensi yang bertanggungjawab mengadakan mesyuarat secara antara-agensi, badan petugas, jawatankuasa *ad-hoc* dan lain-lain. Beberapa buah Kementerian juga mempunyai Majlis Perancangan masing-masing yang bertanggungjawab bagi perancangan program-program Kementerian, pengesanan kemajuan pelaksanaan dan penyelesaian masalah-masalah yang timbul. Selain daripada itu, agensi-agensi Kerajaan juga dikehendaki mengemukakan laporan pelaksanaan projek tiap-tiap suku tahun kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri yang mengesan kemajuan pelaksanaan projek-projek itu. Nyatalah daripada keterangan ini, bahawa sistem yang ada sekarang mencukupi untuk mengetahui kemajuan-kemajuan pelaksanaan projek-projek bagi Kementerian atau jabatan yang berkaitan. Syor Ahli Yang Berhormat itu adalah sebenarnya selaras dengan sistem yang diamalkan sekarang.

Adalah diakui bahawa pegawai-pegawai yang berpengalaman adalah penting dalam memastikan kesempurnaan pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Menyentuh tentang pertukaran pegawai-pegawai penting

yang terlibat dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar, suka saya nyatakan iaitu pertukaran pegawai-pegawai tersebut adalah dirancangan dengan teliti, setelah berbincang dengan Ketua-ketua Jabatan Yang terlibat supaya pertukaran pegawai-pegawai itu tidak menjejaskan pelaksanaan projek yang dilaksanakan. Dalam keadaan-keadaan yang istimewa, misalnya, apabila seseorang pegawai masih diperlukan dijabatannya untuk menyempurnakan projek-projek pembangunan, maka pegawai yang berkenaan dibenarkan terus menyanggah jawatan itu atas dasar "Khas Untuk Penyandang" buat sementara waktu. Sebaliknya pula, sekiranya laporan diterima mengenai kecuaiannya seseorang itu dalam melaksanakan projek boleh dibuktikan, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh Lembaga Tatatertib yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar juga telah meminta Kerajaan memberi perhatian supaya mewujudkan satu sistem dari segi skim perkhidmatan, dalam erti kata peringkat-peringkat dalam skim hendaklah disamakan. Dalam proses menggubal dan meminda skim-skim perkhidmatan, sama ada dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Penguasa-penguasa Tempatan, berasaskan kepada perakuan-perakuan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet, Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan berusaha untuk menyeragamkan perbekalan-perbekalan dari segi penggunaan nama, struktur tanggaji, kelayakan masuk dan lain-lain syarat perkhidmatan yang dipakai dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan dengan tujuan untuk mengurangkan perbezaan-perbezaan yang terdapat pada masa-masa lepas.

Mengenai bilangan tingkatan kenaikan pangkat yang diperuntukkan dalam sesuatu skim perkhidmatan itu ialah adalah berasaskan kepada besar kecilnya sesuatu perkhidmatan yang berkenaan dan keperluan menjalankan tugas-tugas yang tertentu. Walau bagaimanapun, Kerajaan sekarang ini sedang mengkaji semula skim-skim perkhidmatan untuk mewujudkan peluang-peluang Kerjaya melalui kenaikan pangkat antara skim-skim bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang mempunyai persamaan. Dalam hal ini prinsip-prinsip yang terlibat dalam laporan Jawatankuasa Kabinet (C.C.R.) sedang dikaji semula untuk mewujudkan peluang kenaikan pangkat berasaskan pengalaman antara skim-skim di samping terus membuka peluang bagi lantikan baru (direct entry) kepada pemohon-pemohon baru. Dengan ini akan wujud dalam satu-satu perkhidmatan nanti gabungan antara mereka yang berpengalaman dan mereka yang baru yang mempunyai kelayakan lebih tinggi. Ini akan menghasilkan satu perkhidmatan yang lebih menjamin kebaikan kepada pekerja-pekerja di samping mewujudkan suasana yang lebih positif dan bersemangat dalam perkhidmatan awam untuk memberi khidmat yang cemerlang kepada rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah menyarankan supaya konsep baru pentadbiran bersih, cekap dan amanah perlu diberi imbuhan serta galakan insentif kepada kakitangan. Mengenai hal ini suka diterangkan bahawa Kerajaan memang telah menyediakan satu sistem penghargaan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang menunjukkan perkhidmatan cemerlang seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Am Bil. 9 Tahun 1980, umpamanya memberi pertimbangan untuk mempercepatkan kenaikan pangkat, gandaan kenaikan gaji, memberi peluang mengambil

bahagian dalam kursus-kursus di luar negeri, memberi sokongan terhadap pengurniaan bintang-bintang dan pingat-pingat Persekutuan atau negeri dan lain-lain lagi.

Masalah-masalah pentadbiran, perancangan dan pelaksanaan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus itu merupakan masalah-masalah yang meliputi seluruh usaha pembangunan, baik di peringkat negara, negeri atau daerah. Kerajaan sedang menumpukan perhatian kepada usaha mengatasi masalah-masalah ini melalui berbagai-bagai rancangan dan strategi baru untuk menambah kecakapan pegawai-pegawai Kerajaan, mengubah sikap mereka dan mewujudkan ethika kerja yang lebih gigih dan dinamis.

Hasil usaha itu memang tidak boleh menjadi nyata dalam masa yang singkat. Oleh kerana pentadbiran, perancangan dan pelaksanaan merupakan proses yang berterusan. Perhatian dan usaha bagi mengatasinya harus dijalankan terus menerus. Inilah yang dilakukan oleh Kerajaan kita sekarang.

Mengenai konsep Pentadbiran Wilayah yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar suka dijelaskan bahawa Kerajaan telahpun mengkaji dan mendapati konsep tersebut sesuai dilaksanakan. Usaha-usaha sedang dijalankan pada masa ini untuk menubuhkan Pentadbiran Wilayah yang pertama, iaitu di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Pusat pentadbiran akan diletakkan di Pulau Pinang dengan tujuan mengawasi perancangan dan pelaksanaan program-program dan perjalanan-perjalanan di kawasan Wilayah Utara yang meliputi negeri-negeri Perlis, Pulau Pinang, Kedah dan Perak Utara. Penubuhan Pusat Pentadbiran ini akan membolehkan keputusan-keputusan mengenai rancangan-rancangan pembangunan

negara dan projek-projek yang diperlukan, dibuat lebih dekat dengan kawasan-kawasan yang terlibat dan tidak di Kuala Lumpur sahaja. Demikian itu, pegawai-pegawai yang terlibat akan benar-benar mengetahui masalah-masalah yang harus diatasi dan boleh menjalankan usaha perancangan dan pelaksanaan dengan lebih cekap dan berkesan lagi. Dengan mengadakan perancangan pembangunan di peringkat wilayah, masalah perbezaan taraf kemajuan antara negeri-negeri yang termasuk dalam wilayah itu akan dapat dikurangkan. Ini boleh dibuat dengan pembahagian sumber dan penggunaan tenaga mahir secara lebih adil mengikut keperluan sesuatu negeri di dalam kawasan itu. Pusat-pusat Pentadbiran Wilayah itu juga boleh dijadikan pusat pembangunan baru sesuai dengan konsep mewujudkan "growth poles" yang digunakan dalam pembangunan wilayah. Oleh yang demikian, cadangan untuk menggunakan konsep serampang dua mata dalam rangka tujuan Pentadbiran Wilayah itu sudah sedia diambil kira.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh tentang Program-program Audit yang diperkenalkan oleh Ketua Audit Negara. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu keliru sedikit apabila beliau menyatakan bahawa sistem kawalan kewangan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap 3 tahun itu merupakan langkah kebelakang. Sebenarnya tugas-tugas mengaudit kewangan tiap-tiap Kementerian dan Jabatan adalah dilakukan pada tiap-tiap tahun. Dalam hal ini, saya ingin menjelaskan bahawa memandangkan tanggungjawab dan peranan Kerajaan kian bertambah tahun demi tahun, Ketua Audit Negara berpendapat iaitu adalah tidak praktik atau ekonomik baginya untuk membuat pemeriksaan semua urusan kewangan bagi menentukannya selaras dengan undang-undang dan

peraturan. Sesungguhnya, kira-kira dan perakaunan adalah menjadi tanggungjawab Ketua-ketua di tiap-tiap Kementerian ataupun Jabatan sebagai Pegawai Pengawal dan Perakaunan. Cara mengaudit yang diamalkan baru-baru ini oleh Pejabat Ketua Audit Negara adalah seperti mana yang diikuti di negara-negara maju di mana perhatian yang lebih utama kepada Auditan Prestasi (Performance Audit), bukannya kepada Auditan Kewangan Seperti-mana dahulu. Oleh itu jelaslah iaitu cara baru ini lebih berkesan dan bukanlah merupakan langkah kebelakang seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan Lampiran-lampiran dalam Laporan Audit 1979, jadual-jadual 1978 tidak dilampirkan kerana Laporan bagi tahun 1978 dan 1979 telah dibentangkan serentak dan tidak ada apa-apa perubahan dalam perkara-perkara yang disebutkan dalam lampiran untuk memerlukan laporan sekali lagi dalam tahun 1979. Sekiranya perakaun-perakaun Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara tidak diambil tindakan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan, mungkin Ketua Odit Negara akan melaporkan perkara ini dalam laporan beliau seterusnya.

Tuan Yang Dipertua, mengenai masalah-masalah tenaga manusia atau tenaga kerja seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, suka diterangkan bahawa Kerajaan sudah dan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah ini. Perancangan dan pembangunan tenaga manusia untuk keperluan sektor awam dan swasta memang sentiasa diberi perhatian berat oleh Kerajaan. Lembaga Kemajuan Tenaga Manusia yang ditubuhkan dalam tahun 1980 bertanggungjawab penuh dengan soal ini di samping jawatankuasa-jawatankuasa pentadbiran yang lain.

Menyentuh tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Lambir supaya Kerajaan memberikan keutamaan peruntukan pembangunan negeri Sarawak pula, adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini Kerajaan sedang menjalankan kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat di mana pencapaian bagi tahun 1981-1983 akan dikaji semula dan keutamaan program pembangunan bagi tahun 1984-1985 digubal dengan mengambil kira keadaan ekonomi negara yang dijangka bagi tahun-tahun tersebut. Sebagai satu perancangan yang realistik, keadaan ekonomi negara semasa hendaklah dijadikan sebagai input penting dalam perancangan kerana keadaan ekonomi menentukan jumlah sumber kewangan untuk membiayai pembangunan. Oleh yang demikian, jumlah peruntukan pembangunan bagi Sarawak adalah bergantung kepada keadaan ekonomi negara semasa serta keperluan pembangunan bagi negeri-negeri lain.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyentuh tentang pembangunan daerah Tumpat dan mengatakan bahawa seolah-olah Kerajaan telah mengabaikan pembangunan di daerah tersebut. Faktor yang penting bagi pembangunan dan kemajuan sesuatu kawasan ialah sumber ekonomi yang boleh diperolehi dan dikembangkan. Daerah Tumpat, pada suatu masa dahulu terkenal sebagai daerah yang kaya dengan hasil-hasil laut kerana muara sungainya yang cantik dan berpotensi untuk dijadikan pelabuhan nelayan. Tetapi kehendak alam telah menukarkan muara ini kepada keadaan yang tertimbus (silting) dan menutup terus muara ini. Dengan itu, kaum nelayan telah mengalami kesulitan untuk mendarat. Akibatnya ramai yang berpindah ke tempat lain atau menukar pekerjaan. Ini sangat menjejaskan kemajuan daerah Tumpat sendiri.

Memandangkan bilangan nelayan yang ramai di Tumpat iaitu dianggarkan seramai 3,230 dari 7,587 orang bagi seluruh Kelantan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasinya. Antaranya ialah usaha menggali muara sungai yang telah dimulakan sejak Januari 1980 dan memindahkan nelayan-nelayan ke tempat-tempat yang lebih sesuai. Walaupun adanya usaha-usaha Kerajaan menggali muara ini tidak akan memulihkan kembali ke keadaan asalnya, tetapi adalah diharap masalah ini akan memudahkan para nelayan menjalankan kerja mereka. Di samping itu, Kerajaan tidaklah mengabaikan pembangunan bagi daerah ini. Bahkan dalam beberapa hal, daerah Tumpat agak baik kedudukannya kerana beberapa projek seperti Hospital Daerah dan projek Institut Kemahiran MARA akan dilaksanakan di kawasan tersebut. Langkah-langkah juga telah diambil untuk membina pejabat-pejabat Kerajaan berkenaan di daerah Tumpat sendiri. Ini termasuk Jabatan Parit dan Taliair yang telahpun mendapat kawasan untuk membina "site office"nya di Tumpat tahun hadapan.

Suka saya mengambil kesempatan ini untuk menerangkan bahawa sesuatu projek yang sesuai dilaksanakan di sesebuah kawasan tidak semestinya sesuai di sebuah kawasan yang lain. Sesuatu projek yang besar terpaksa dibuat kajian mendalam terlebih dahulu. Jika ianya didapati tidak "viable" di sesuatu kawasan, maka ia terpaksa dicari tempat yang alternatif. Ini termasuk, misalnya, cadangan pembinaan pelabuhan kecil negeri Kelantan. Oleh itu, tidaklah ada diskriminasi bagi perancangan-perancangan di semua peringkat dalam merancang projek-projek bagi sesuatu kawasan itu. Apa yang dipentingkan ialah "viability" projek-projek berkenaan supaya "impek" dan pulangan kosnya adalah tinggi.

Mengenai program KESBAN, Kerajaan memang menyedari tentang betapa perlunya unsur-unsur keselamatan digabungkan dalam usaha-usaha pembangunan negara supaya usaha-usaha dapat membantu mengukuhkan keadaan keselamatan negara. Di negeri Kedah, khususnya di kawasan Baling, Kubang Pasu, Padang Terap dan Sik iaitu daerah-daerah yang berhampiran dengan sempadan Malaysia-Thailand yang sedia dimaklumi adalah sensitif dari segi keselamatan, usaha-usaha pembangunan yang berorientasikan keselamatan telahpun dilaksanakan. Usaha-usaha tersebut merangkumi rancangan pembangunan tanah, perluasan asas ekonomi, pemberian kemudahan-kemudahan asas dan sosial serta pembangunan bandar. Saya harap ini dapat menjawab perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan kemungkinan PETRONAS membayar zakat dan juga kemungkinan penubuhan Tabung Zakat Negara. Bagi menjawabnya suka saya menerangkan bahawa soal pembayaran zakat oleh PETRONAS adalah berkaitan dengan soal hukum. Oleh itu, perkara ini perlu dikaji dengan mendalam dan dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam bagi mendapatkan fatwa rasmi. Mengenai penubuhan Tabung Zakat Negara adalah dirasai tidaklah perlu kita menubuhkannya sekarang ini kerana institusi zakat telah wujud sekian lama iaitu semenjak sebelum merdeka lagi dan orang-orang Islam yang ingin membayar zakat masing-masing mempunyai tempat berbuat demikian.

Mengenai program keIslaman untuk menggantikan aktiviti pajak gadai dan urusan seperti yang dibangkitkan oleh

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, suka dinyatakan bahawa hasil dari Persidangan Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Se Malaysia. Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji dan menyediakan deraf peraturan mengenai penubuhan institusi Al-Rahn (pajak gadai Islam). Jawatankuasa ini telah selesai mengemukakan deraf perintah. Perbadanan Al-Rahn dan telah dikemukakan kepada Persidangan Ke 21 Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Seluruh Malaysia di Kuala Terengganu pada bulan Ogos lalu. Deraf perintah tersebut telah dirujuk kepada negeri-negeri untuk mendapatkan pandangan dan ulasan sebelum dibawa ke Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam untuk pertimbangan dan keputusan. Di samping itu, Kerajaan telah juga membentuk sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji perjalanan insuran dengan tujuan untuk mewujudkan satu bentuk insuran yang bercorak Islam.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana kita sedia maklum, usaha-usaha memupuk perpaduan merupakan satu proses yang berpanjangan dan soal kejayaan atau kegagalan sukar diukur pada masa ini. Matlamat bila perpaduan itu akan tercapai dengan sepenuhnya sukarlah dengan itu bagi kita meramalkan. Namun begitu, kesannya bolehlah disebutkan. Yang terpentingnya ialah bahawa tidak wujudnya pertelingkahan antara kaum menunjukkan kekesanan usaha-usaha Kerajaan khasnya dan perubahan sikap rakyat pada amnya. Lain-lain kesan dapat diperhatikan ialah perluasan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan, perpaduan politik/kewilayahan, perpaduan dalam kesukaran, perpaduan dalam aktiviti ekonomi dan bidang-bidang lain.

Usaha untuk memupuk perpaduan rakyat adalah satu tanggungjawab bersama iaitu tanggungjawab setiap lapisan masyarakat dan bukannya semata-mata kepada sesebuah agensi

sahaja. Jabatan Perpaduan Negara telah diberi tanggungjawab untuk memupuk perpaduan rakyat dan juga menjadi penggerak untuk mengembeling penyertaan rakyat dari berbilang kaum dalam aktiviti-aktiviti bercorak muhibbah. Jabatan tersebut dari masa kesemasa mengeluarkan berita-berita ataupun makluman mengenai aktiviti-aktivitinya, umpamanya Laporan Tahunan dan Balai Muhibbah. Balai Muhibbah merupakan lidah resmi Jabatan tersebut yang dikeluarkan sebulan sekali sepanjang masa dengan tidak putus-putus semenjak tahun 1970 lagi. Selain daripada itu Jabatan tersebut dari masa kesemasa menyampaikan taklimat kepada pihak tertentu mengenai struktur, fungsi dan aktiviti sama ada di Jabatannya sendiri ataupun di lain-lain agensi permintaan agensi/kumpulan tertentu.

Oleh kerana perpaduan ini satu proses yang berpanjangan, adalah kurang tepat jika menggunakan post mortem ke atas sesuatu aktiviti, seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar. Ia boleh digunakan apabila sesuatu aktiviti atau projek itu telah selesai. Walaupun begitu Jabatan tersebut sentiasa membuat penilaian serta pembaharuan/pengubahsuaian supaya ia dapat meluaskan kegiatan-kegiatannya untuk merangkumi seluruh lapisan masyarakat. Jabatan Perpaduan Negara terus berusaha dari semasa kesemasa memikirkan idea-idea baru untuk mempercepatkan usaha ke arah perpaduan kaum dan seterusnya integrasi kaum. Salah satu daripada usaha pengubahsuaian usaha ke arah matlamat ini ialah mengenai kegiatan yang bercorak muhibbah dipadankan dengan konsep Rukun Tetangga, sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada bulan September lalu.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan

terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Perkara-perkara yang tidak saya jawab atau jelaskan hari ini adalah diambil perhatian.

**Timbalan Yang Dipertua:
Kementerian Pertahanan.**

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang Dipertua, sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan teguran-teguran serta syor-syor dari beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan yang telah diadakan semenjak 22hb Oktober, yang lalu khasnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada Kementerian saya.

Namun demikian, saya tidaklah bercadang untuk menjawab satu-satu perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu oleh kerana ada di antara perkara-perkara yang dibangkitkan telahpun, dijawab semasa ucapan menggulung dalam perbincangan-perbincangan yang lepas. Memadailah sekiranya saya menjawab beberapa perkara yang penting sahaja.

Tuan Yang Dipertua, pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jasin, Padang Rengas dan Ulu Nerus kerana telah sama-sama menyokong peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian saya. Sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah wajar diberikan kepada Kementerian saya memandangkan faktor keselamatan

adalah penting dalam menjamin kestabilan negara kita sama ada dari segi politik, ugama, sosial dan kesejahteraan hidup rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pula berpendapat bahawa jumlah Peruntukan Pembangunan Pertahanan adalah terlalu tinggi. Beliau juga menyatakan negara tidak akan terancam sekiranya Perbelanjaan Pembangunan Pertahanan sebanyak \$1,900 juta itu ditangguhkan. Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun ini sahaja peruntukan Pembangunan Pertahanan telah dikurangkan sebanyak \$800 juta sejajar dengan langkah jimat-cermat Kerajaan dan sebenarnya \$1,900 juta yang dipohon adalah kurang sebanyak \$400 juta dari keperluan asal. Dari \$1,900 juta itu pula \$1,600 juta adalah untuk membiayai projek-projek yang telah dimulakan dalam tahun ini. Ini bermakna hanya \$300 juta sahaja akan digunakan untuk projek-projek baharu dalam tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, dari segi quantum perbelanjaan pertahanan nampaknya besar. Walaupun demikian, dalam menilaikan sama ada

perbelanjaan itu terlalu tinggi atau tidak ianya harus dibandingkan dengan kekayaan negara sama ada perbelanjaan ini terlalu tinggi bolehlah dihitungkan dari perbelanjaan ini.

Tuan Yang Dipertua, selama ini perbelanjaan pertahanan meliputi Belanja Mengurus dan Pembangunan tidak pernah melebihi 6% dari Keluaran Negara Kasar (KNK) bahkan dari tahun 1971 sehingga 1980 ianya tidak pernah melebihi 4% dari KNK. Perbelanjaan pembangunan pertahanan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu merupakan kurang dari 2% dari KNK. Sungguhpun tahun 1981 ianya meningkat 3%, ini adalah kerana projek yang dilancarkan pada permulaan Rancangan Malaysia Keempat. Dalam masa yang sama Kerajaan telah membelanjakan tidak kurang dari 16% dari KNK Negara kepada sektor sosial dan ekonomi. Jika dibandingkan perbelanjaan ini dengan angka-angka yang diperolehi dari perbelanjaan dunia keseluruhannya, didapati perbelanjaan pertahanan Malaysia lebih rendah dari perbelanjaan dunia seluruhnya.

Umpamanya, dalam tahun 1971 hingga 1979 adalah seperti berikut:

	1971	1975	1978	1979
Perbelanjaan Dunia (berdasarkan KNK Dunia)	5.28%	4.9%	4.5%	4.4%
Malaysia (berdasarkan KNK Negara)	4.37%	4.89%	4.02%	3.98%

Saya belum lagi dapat membuat perbandingan atas perbelanjaan dunia selepas tahun 1979. Walaupun begitu, perbelanjaan dunia selepas tahun 1979 iaitu selepas "detente" menjadi dasar kuasa-kuasa besar sudah pasti perbelanjaan dunia menjadi lebih besar selepas peristiwa Afghanistan dan Kampuchea. Sebagai perbandingan, Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan Pertahanan bagi negara-negara yang menghadapi ancaman atau bersedia

untuk berperang adalah seperti berikut:

Negara	1975	1981
U.S.S.R.	8.4%	15%
U.S.A.	5.8%	6.1%
Israel	35.9%	28.7%
Jordan	12.2%	11.4%
Arab Saudi	18%	20.5%
Syria	15.1%	20%
Argentina	0.9%	8.1%
Pakistan	7.2%	6.9%

Kalau dibandingkan perbelanjaan pertahanan negara, Tuan Yang Dipertua, apa yang dibelanjakan memang dihadkan mengikut kemampuan. Kalau dikira atas desakan pertahanan "ideal" memanglah perbelanjaan kita akan melebihi had-had yang diberi.

Tuan Yang Dipertua, dasar pertahanan kita sejak pengunduran tentera British dari wilayah ini ialah dasar berdikari. Kita telah melihat di sekeliling kita bagaimana sesebuah negara yang tidak sanggup atau tidak bersedia mempertahankan dirinya akan diganggu dan dicerobohi. Peristiwa Kampuchea, Afghanistan dan yang jelas diingati ialah peristiwa Lebanon, patut mengingatkan kita bahawa kemerdekaan sesebuah negara tanpa kemampuan mempertahankan diri tidak akan memberi makna.

Saya suka menyentuh apa yang pernah dikatakan oleh Menteri Pertahanan Singapura yang mengingatkan rakyatnya iaitu: "Negara yang mahukan keamanan mestilah sanggup mempertahankannya. Bagi negara yang tidak mahukan peperangan, mestilah mengambil perkara-perkara pertahanan secara serius. Untuk mencapai keamanan, kita mesti bersedia berperang".

Malaysia mestilah juga memberi sanggup untuk mempertahankan negara ini. Hanya dengan cara ini apa juga musuh yang ada mempunyai niat hendak mencerobohi akan berfikir dua kali sebelum meneruskan niatnya.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyatakan sekiranya kita tidak membelanjakan pembangunan pertahanan kita negara kita tidak akan terancam.

Saya suka mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu kita mestilah menyediakan payung sebelum hujan; bagi orang-orang yang waras, payung

itu dibeli semasa keadaan cuaca baik. Persediaan perlu dibuat sebelum sesuatu perkara berlaku. Dalam hubungan ini kita haruslah mengambil perhatian dalam meningkatkan pertahanan negara, prosesnya mengambil masa yang panjang (long lead time). Umpamanya sebelum seorang juruterbang boleh menggunakan jet pejuang dengan kepintaran, dia perlu lebih kurang 4 tahun untuk latihan sahaja. Manakala bagi melatih juruteknik untuk menyelenggarakan alat-alatan latihan yang diperlukan mengambil masa antara 3-6 tahun. Walaupun kita memesan alatan-alatan hari ini, ia tidak akan sampai ke negara ini sebelum 2-3 tahun. Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu menjamin di dalam Dewan ini, dalam masa 3 tahun itu tidak ada ancaman berlaku ke atas negara kita?

Kementerian Pertahanan dalam menjalankan perancangannya mengambil hitung akan perkara-perkara ini. Dengan sebab itulah peruntukan belanja pertahanan diteruskan sekadar dengan kemampuan negara.

Tuan Yang Dipertua, memanglah menjadi anggapan orang-orang yang tidak mengetahui bahawa perbelanjaan pertahanan itu membazir. Saya suka mengingatkan kepada mereka yang berpendapat sedemikian bahawa tanpa pertahanan yang kuat dan kebolehan mengawal keselamatan negara, kemajuan ekonomi negara tidak akan tercapai. Pembangunan negara terus meningkat selama ini walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia dan pelaburan asing berterusan ke negara ini. Ini membuktikan kepercayaan negara-negara luar atas kemampuan Kerajaan untuk mempertahankan dan menjaga keselamatan negara. Keyakinan ini tidak mungkin ditunjukkan jika Malaysia tidak boleh membuktikan kesanggupan untuk mempertahankan negara dan mengawal keselamatannya.

Selain dari faktor ini, perbelanjaan pertahanan secara tidak langsung juga menyumbangkan kemajuan ekonomi melalui projek-projek pertahanan di kawasan-kawasan miskin, ekonomi tempatan akan dapat dipertingkatkan lagi. Begitu juga pesanan-pesanan yang dibuat oleh Kementerian Pertahanan dari punca-punca dalam negeri membolehkan industri-industri tertentu diperluaskan. Sungguhpun perbelanjaan yang dibuat atas alatan-alatan pertahanan dari luar negeri merupakan kehilangan pertukaran wang asing tetapi pemindahan teknologi yang terdapat dari pembelian ini menguntungkan negara. Perbelanjaan pertahanan juga selain daripada meninggikan kemahiran tenaga kerja pertahanan khususnya meningkatkan lagi kemahiran tenaga kerja negara amnya. Ini adalah disebabkan anggota-anggota Angkatan Tentera terlatih yang memasuki sektor swasta selepas tamat perkhidmatan mereka dapat meninggikan kemampuan negara keseluruhannya. Umpamanya, lebih 59 juruterbang-juruterbang Syarikat Penerbangan MAS datangnya dari bekas juruterbang-juruterbang Tentera Udara DiRaja Malaysia. TUDM juga telah melatih seramai 26 orang juruteknik untuk MAS dalam tahun-tahun 1973/1974. Manakala ramai bekas juruteknik-juruteknik Tentera Laut sekarang ini memenuhi jawatan-jawatan di limbungan-limbungan swasta negara, ini meninggikan kemampuan industri negara. Ini merupakan contoh-contoh di mana Belanjawan Pertahanan meninggikan lagi ekonomi negeri secara amnya. Dengan erti kata yang lain, ini adalah sumbangan-sumbangan ke arah pembangunan negara.

Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa keselamatan dan pembangunan adalah dua aspek penting yang saling berkaitan seumpamanya

irama dan lagu yang tidak dapat dipisahkan. Keselamatan yang meruncing akan menjejaskan proses pembangunan dan kemelesetan pembangunan pula akan memberi kesan-kesan buruk dan akan menimbulkan ancaman di dalam negeri.

Di antara dua ahli strategi dan ekonomi memang ada perbezaan pendapat. Pada ahli strategi memanglah mengutamakan perkara keselamatan dan pada ahli ekonomi pula perkara pembangunan dipentingkan. Walau bagaimanapun, kedua-dua perkara ini mempunyai satu konsep yang sama iaitu memberi kesejahteraan kepada rakyat bangsa dan negara.

Tuan Yang Dipertua, saya boleh memberi banyak lagi bukti untuk menekankan apa yang saya sebutkan tadi, tetapi cukuplah setakat ini bagi saya membuktikan bahawa Kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya, baik dalam segi ekonomi ataupun pertahanan, bukanlah seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Pengalaman bangsa dan negara kita yang berabad-abad lamanya telah dijajah dan sudah cukup menjadi contoh tauladan bagi kita membina dan mempertahankan kemerdekaan bangsa dan tanahair. Kita tidak mahu mewariskan kepada generasi dan anak cucu akan datang satu bangsa yang lemah, miskin dan menderita. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tentu tahu Kota Melaka masih menjadi saksi kepada kehinaan yang diterima oleh bangsa kita.

Tuan Yang Dipertua, saya merasa sedih kerana tiap-tiap kali Belanjawan dibentang terpaksa menerima tuduhan liar yang tidak berasas terhadap Kementerian saya. Tuduhan Yang Berhormat menyatakan bahawa saudagar-saudagar alat-alat pertahanan akan kehilangan keuntungan berpuluh-puluh juta dalam ertikata

komisyen atau wang sogokan (kick-back). Tuduhan Ahli Yang Berhormat itu memang tidak berasas kerana tanpa memberi bukti-bukti nyata jangannya Yang Berhormat selalu menunjukkan keberanian dengan menuduh Kementerian saya "berselindung di sebalik lalang sehelai", atau dengan lebih jelas lagi dalam bahasa Inggeris dengan izin, Tuan Yang Dipertua, "hiding under the skirt of parliamentary privilege".

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat saya tidak akan teragak-agak untuk bertindak sekiranya ada pegawai-pegawai saya yang benar-benar telah menyeleweng. Tetapi sayangnya sehingga kini Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak pernah mengemukakan nama orang-orang yang terlibat, hanya berani menuduh tetapi takut menerima kenyataan.

Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan menggesa Kementerian saya supaya peralatan tentera termasuk pesawat-pesawat terbang diteliti dan diawasi setiap masa supaya kemalangan ketika menggunakannya tidak berlaku.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak tergesa-gesa dalam pembelian kelengkapan pertahanan dengan tindakan yang tergesa-gesa boleh menjejaskan kebolehan serta ketuhan seluruh tentera, justeru itu Kerajaan sentiasa menilai dengan teliti dalam soal memilih objektif tentera dan kehendak negara sejajar dengan keupayaan membeli, pengurusan pengendalian dan juga bersesuaian dengan kehendak dan keadaan tempatan. Jika dianalisis pada keseluruhannya kita perlu menyedari bahawa tenteralah yang akan menggunakan apa yang mereka pilih dan saya percaya mereka tidak akan memilih alat kelengkapan yang akan mendatangkan akibat buruk bila mereka menggunakannya nanti semasa mereka berjuang. Sesungguhnya

penilaian sesuatu alat kelengkapan yang akan dibeli itu memberi erti juga bahawa keputusannya akan menentukan hidup atau mati setiap pengguna itu. Atas hakikat ini saya percaya penggunaanya tidak akan mengesyorkan pembelian sebarang alat kelengkapan yang tidak akan menjamin keselamatan nyawanya sendiri atau nyawa anggota yang mengendalikan. Nilai nyawa seorang perajurit tidak sama dengan 10 buah helikopter atau sejuta kereta kebal sekalipun. Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan tentang adanya perjanjian rahsia di antara Jepun dan Amerika mengenai pertahanan dan mengesyorkan agar Kerajaan kita berwaspada terhadap perjanjian tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah mengetahui atau memastikan atas perjanjian rahsia antara Jepun dengan Amerika yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan.

Tuan Yang Dipertua, memanglah menjadi azam Kerajaan untuk menjadikan wilayah ini sebuah wilayah yang aman, bebas dan berkecuali atau ZOPFAN, sejajar dengan azam ini kita mengamalkan dasar berdikari dalam pertahanan.

Kerajaan sentiasa berwaspada atas segala perkembangan-perkembangan di wilayah ini.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jasin, Bagan Datok dan Kota Belud kerana turut sama menyokong peruntukan Belanjawan untuk pertahanan dan juga menentang segala bangkangan oleh pihak Pembangkang yang tidak setuju di atas peruntukan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin mencadangkan latihan tentera bersama diadakan antara Thailand, Malaysia dan Singapura. Buat ketika ini, Tuan Yang Dipertua, Malaysia tidaklah mahu ASEAN disalah-anggapkan oleh dunia luar sebagai

satu pakatan tentera. Salah anggapan akan lebih memburukkan keadaan keselamatan di wilayah ini dari membaikkannya. Oleh yang demikian, Kerajaan tidaklah suka menggalakkan latihan bersama diadakan melebihi latihan dua hala atau "bilateral" seperti yang terwujud sekarang ini.

Sebagai negara yang menyanjungi keamanan, kita menekankan prinsip bahawa masalah dan perselisihan antara negara-negara diselesaikan secara politik dan tidak secara ketenteraan. Ketenteraan adalah semata-mata untuk mempertahankan kedaulatan negara sebagai pilihan terakhir.

Saya juga menyambut baik cadangan dari Yang Berhormat dari Kota Belud supaya negara-negara ASEAN mengamalkan pembelian bersama alat senjata untuk mencapai "economies of scale" dan juga untuk meningkatkan "technical know-how" dari segi pembuatan senjata. Kementerian saya memang memikirkan perkara ini secara mendalam serta cara-cara untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, kita harus berjaga-jaga agar ianya tidak disalah-anggapkan sebagai langkah untuk menjadikan ASEAN sebagai satu pakatan tentera.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Sandakan sekali lagi telah membangkitkan soal disiplin di kalangan anggota-anggota tentera. Sebagaimana yang telah saya terangkan berulang-ulang kali di Dewan yang mulia ini dalam jawapan-jawapan saya yang lalu iaitu Kerajaan memang sedar tentang pentingnya disiplin dalam satu-satu organisasi angkatan tentera dan Kerajaan sentiasa memandang berat tentang perkara ini, kerana tentera yang kurang disiplin akan menimbulkan gejala yang kurang baik kepada negara.

Buat masa ini taraf disiplin di kalangan anggota-anggota Tentera kita adalah sangat memuaskan dan pihak Angkatan Tentera itu sendiri adalah begitu menitikberatkan dalam hal-hal yang menyentuh disiplin anggota-anggotanya. Tindakan tata-tertib dan hukuman tertentu mengikut Undang-undang Ketenteraan sentiasa dikenakan terhadap anggota-anggota yang didapati bersalah dan dengan ini dapat menentukan disiplin ketenteraan yang ketat dipatuhi supaya tidak menjejaskan imej dan moral Angkatan Tentera itu sendiri. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat harus sedar anggota-anggota Tentera juga adalah manusia biasa yang tidak sunyi dari membuat kesilapan, oleh itu adalah tidak adil sekiranya Yang Berhormat menuduh seluruh anggota Tentera tidak berdisiplin disebabkan oleh kesilapan yang dilakukan oleh segelintir anggota-anggotanya sahaja. Yang Berhormat haruslah bersikap lebih rasional dalam hal ini. Nenek moyang selalu mengingatkan kita kerana nila setitik, susu sebelanga dirosakkan dan janganlah seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit.

Tuan Yang Dipertua, saya merasa hairan mengapa Ahli Yang Berhormat dari Sandakan suka membesarkan perkara disiplin anggota-anggota Tentera hanya berpandukan kepada kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh segolongan kecil itu. Saya tidak menafikan kesilapan-kesilapan tersebut tidak berlaku, tetapi ini adalah sebilangan kecil sahaja yang telah mengabaikan tanggungjawab mereka. Ini bukanlah bermakna disebabkan segolongan kecil ini disiplin anggota-anggota Tentera tercemar keseluruhannya. Kesilapan-kesilapan boleh berlaku di mana sahaja, sama ada di satu-satu pertubuhan walaupun di rumah kita sendiri. Bumi mana tak ditimpa hujan! Untuk makluman Ahli Yang Berhormat suka saya katakan bahawa Angkatan Tentera sentiasa

menggunakan Undang-undang Tentera dalam apa juga kesalahan atau kesilapan yang dilakukan oleh anggota Tentera, yang salah tetap bersalah dan dihukum mengikut Undang-undang Tentera. Saya memberi jaminan bahawa tindakan keras sedang dan akan diambil ke atas anggota-anggota Tentera yang terlibat dalam kejadian buruk itu.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Parit Buntar telah mengesyorkan supaya elaun keistimewaan harus diberi kepada anggota-anggota dalam Unit Komando. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, suka saya nyatakan di sini iaitu anggota-anggota dalam Unit Komando telahpun diberi elaun istimewa, iaitu \$5.00 satu hari, lebih dari anggota-anggota biasa. Buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menambahkan elaun tersebut memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang dialami sekarang. Walau bagaimanapun, elaun-elaun dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera memang sentiasa dikaji dari masa kesemasa.

Yang Berhormat itu juga mengesyorkan supaya Pegawai-pegawai Pasukan Keselamatan yang memegang sesuatu jawatan untuk beberapa lama dinaikkan pangkat. Tuan Yang Dipertua, pihak Angkatan Tentera membuat pilihan dan keputusan untuk kenaikan pangkat pegawai-pegawainya bukanlah berasaskan kepada sesuatu kriteria seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi adalah secara yang objektif, iaitu berasaskan kepada kriteria-kriteria yang berikut:

- (1) kelayakan yang diperlu dalam jawatan yang berkenaan;
- (2) pegawai tersebut memenuhi semua syarat-syarat yang diwajibkan, seperti lulus peperiksaan dan telah mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan;
- (3) kekosongan perjawatan.

Proses kenaikan pangkat dan segala cadangan yang berkaitan dengannya dibuat oleh badan khas, iaitu seperti Lembaga Kenaikan Pangkat dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda pula mencadangkan supaya operasi keselamatan dikurangkan di kawasan yang menghadapi kemiskinan. Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi tanggungjawab Pasukan Keselamatan untuk menghancurkan musuh di mana sahaja didapatinya. Pasukan Keselamatan tidak sengaja memilikkan sesuatu kawasan untuk mengadakan operasi kecuali ianya diketahui mengandungi musuh. Tujuan operasi adalah bagi menjamin penduduk-penduduk tidak diancam oleh musuh negara, lebih-lebih lagi penduduk-penduduk yang miskin. Lagi pun, semasa operasi ini dijalankan ianya tidak menghadkan pergerakan penduduk-penduduk yang terlibat, mereka bebas bergerak di kawasan-kawasan tersebut. Hanya "special operation" sahaja perintah berkurung akan dikenakan kepada penduduk kawasan yang terlibat. Ini bertujuan untuk memudahkan Pasukan Keselamatan menjalankan operasi dan mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Lazimnya operasi ini dijalankan untuk satu jangka masa yang singkat sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok menyentuh mengenai penyalahgunaan dadah di kalangan anggota Tentera dan beliau ingin tahu adakah dan berapakah anggota Tentera yang terlibat dalam hal ini. Tuan Yang Dipertua, saya ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa masalah penyalahgunaan dadah adalah serius tetapi belumlah menimbulkan kegemparan di kalangan anggota-anggota Tentera kita. Jika dibandingkan jumlah angka penagih dadah dalam Angkatan Tentera dengan jumlah dalam negara, angka yang didapati adalah sangat kecil, dengan izin, 'just a drop in the ocean'. Angka yang terdapat secara

bandingan bilangan penagih dadah dalam Angkatan Tentera dan penagih-penagih dadah seluruh negara ialah kurang daripada 0.08%. Jumlah anggota Tentera yang terlibat dengan dadah berbanding dengan kekuatan anggota Tentera keseluruhannya hanya 0.8%, mengikut perangkaan sehingga bulan September, 1982.

Yang Berhormat dari Saratok telah mengesyorkan supaya Kerajaan memberi perhatian berat kepada ahli pasukan pertahanan yang telah bersara dan mencadangkan supaya rumah-rumah papan disediakan untuk mereka. Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak pernah lupa kepada bekas-bekas perajurit yang banyak mencurahkan jasa bakti mereka untuk menjaga keamanan dan kedaulatan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu sepertimana kita sedia maklum bahawa masalah perumahan ini adalah masalah negara, khasnya bagi golongan berpendapatan rendah dan termasuklah bekas anggota-anggota Tentera. Usaha-usaha ini telahpun kita dapat lihat di mana Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun mengambil tindakan untuk menentukan keperluan perumahan bagi rakyat, terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan rendah. Misalnya, tiap-tiap syarikat perumahan yang hendak melaksanakan projek perumahan sekarang ini memerlukan mereka menguntukkan berbilangan jenis rumah low-cost sebelum kelulusan diberi oleh Kerajaan.

Di sini saya memaklumkan juga di Dewan yang mulia ini, Koperasi Tentera ada juga membuat rancangan untuk projek rumah low-cost di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia, seperti Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan dan negeri Trengganu. Sebagai contoh selain dari ini, Kerajaan Negeri Sarawak telahpun memberi Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (cawangan Sarawak) sebanyak 88.60 ekar tanah

di Batu 4½, Jalan Batu Kawah, Kuching, Sarawak untuk projek perumahan, khasnya kepada bekas-bekas perajurit seperti berikut:

- (a) rumah bungalow 19 unit. Harga di antara \$90,000 hingga \$100,000 seunit, tidak termasuk timbunan tanah;
- (b) rumah berkembar dua tingkat 50 unit, berharga \$72,800 seunit;
- (c) rumah berderet dua tingkat 184 unit, harga di antara \$65,000 hingga \$70,000 seunit;
- (d) rumah berderet satu tingkat dengan 3 bilik tidur 270 unit, berharga di antara \$38,000 hingga \$42,000 seunit;
- (e) rumah berderet satu tingkat dengan dua bilik tidur 280 unit, berharga di antara \$36,000 hingga \$39,000 seunit;
- (f) rumah kedai dua tingkat 24 unit, berharga di antara \$140,000 hingga \$150,000 seunit.

Ini termasuk sebuah surau, sebuah Tadika dan padang permainan. Projek ini mempunyai 4 Fasa.

Persatuan Bekas-bekas Perajurit Malaysia Cawangan Selangor akan membuat projek perumahan di kawasan seluas 50 ekar di Sungai Sering, Jalan Ampang, Kuala Lumpur (kelas pertengahan). Semua Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada bekas perajurit dalam projek rumah kos rendah Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan kebajikan bekas-bekas perajurit, saya sangat terharu atas daya usaha kumpulan akhbar *The New Straits Times* anjuran akhbar *The Malay Mail* untuk mengelolakan "Konsert Tanah Pusaka" bagi mengenangkan jasa pahlawan negara yang akan diadakan di Stadium Negara pada 12hb Disember yang akan datang. Ini merupakan satu penghormatan, pengiktirafan serta

penghargaan terhadap kedaulatan dan keamanan tanahair. Mengikuti kata-kata pengelola "Konsert Tanah Pusaka", "sememangnya kita mengiktirafkan perkhidmatan yang diberikan oleh pasukan-pasukan beruniform kita dan sememangnya juga sangat menyedihkan kita apabila mendengar salah seorang anaggota keselamatan di sempadan ditembak mati dalam serang hendap atau seorang lagi anggota tentera putus kakinya terpijak jerangkap samar atau seorang anggota polis terbunuh ditembak penjahat".

Bersabit dengan semangat ini, saya ingin memberitahu menerusi Dewan yang mulia ini bahawa Persatuan Bekas-bekas Perajurit Malaysia, badan yang tunggal yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk mewakili bekas-bekas perajurit tanahair kita, di bawah anjuran derma rayuan Hari Pahlawan sedang menubuhkan "Tabung Ehsan". Pada setiap tahun Persatuan Bekas-bekas Perajurit mengutip derma daripada masyarakat seluruh negara untuk mengisi Tabung Hari Pahlawan mereka. Mereka sekarang mahu berdikari dan tidak hendak menyusahkan rakyat dengan meminta sedekah setiap tahun untuk Tabung Rayuan Hari Pahlawan. Di bawah projek Tabung Ehsan, Persatuan Bekas-bekas Perajurit Malaysia berazam untuk mengutip derma sebanyak \$10 juta dalam jangka masa 5 tahun dari sekarang.

Di sini saya ingin menyeru kepada syarikat-syarikat perniagaan antarabangsa (multi-national corporations), firma-firma besar dan saudagar-saudagar dalam dunia perniagaan di tanahair untuk menghulurkan derma-derma ikhlas mereka untuk menjayakan projek yang patut mendapat tindakan dan diberi sokongan. Semua sumbangan derma adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Mereka yang berada harus sedar sebilangan anggota-anggota tentera kita telah mengorbankan nyawa, putus

kaki tangan dan buta mata, ramai dari mereka sering berjauhan dari orang-orang yang dikasihi dalam menjalankan tugas di hutan belantara demi menghapuskan musuh-musuh negara supaya peniaga-peniaga antarabangsa dan saudagar-saudagar di tanahair dapat terus menambah keuntungan dalam perniagaan mereka dalam keadaan aman dan tidak ada gangguan.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap apa yang saya jelaskan ini telah memenuhi kehendak pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat pihak Pembangkang. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa Dewan yang mulia ini menjadi saksi berapa banyak pertanyaan-pertanyaan yang berulang-ulang setiap tahun seolah-olah pihak Pembangkang kehilangan modal. Suka saya menyeru pihak Pembangkang agar mengemukakan fikiran dan pertanyaan yang membina negara sesuai dengan semangat seorang Wakil Rakyat. Janganlah hanya seperti bapa ayam yang berkokok berdegar-degar tetapi, dengan izin, ekor bergelumang tahi (*Ketawa*).

Kepada rakan sejawat saya Yang Berhormat dari pihak Kerajaan, saya berterima kasih dan menjunjung budi baik kerana memahami keadaan dan kedudukan Kementerian saya. Di sini saya menyatakan dengan ikhlas bahawa Kementerian saya sentiasa terbuka untuk menerima segala nasihat dan teguran terutama cadangan dan idea yang membina untuk dipertimbangkan. Dengan semangat inilah kita sama-sama memberikan khidmat kita untuk rakyat dan negara. Semoga Allah memberkati usaha kita dan memberikan petunjuk dan hidayah untuk memajukan negara yang tercinta.

Tuan Yang Dipertua, sekianlah jawapan-jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kepada perkara yang tidak sempat saya menjawab, Kementerian saya akan mengkaji sedalam-dalamnya dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

5.16 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran masing-masing ke atas isu-isu dan masalah-masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Di antara isu-isu yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ialah mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960, masalah pelarian-pelarian Filipina di Sabah, masalah pembangunan masyarakat Orang Asli, masalah kewarganegaraan dan sebagainya. Dalam ucapan saya ini, saya akan memberikan penjelasan serta ulasan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menggesa supaya Kerajaan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960 dan Peraturan-peraturan di bawah Kuasa-kuasa Perlu atas alasan-alasan bahawa kononnya undang-undang yang berkenaan telah "menghitamkan" sistem keadilan di negara Malaysia ini. Kepada Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menjelaskan bahawa pihak Kerajaan telah berkali-kali menyatakan bahawa Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960 dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) Tahun 1975.

Pendirian Kerajaan dalam perkara ini adalah jelas. Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 dan juga Peraturan-peraturan Perlu yang berkenaan telah digubal untuk membantu Kerajaan dalam menghadapi ancaman-ancaman yang ditimbulkan oleh anasir-anasir komunis militan dan subversif yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat negara ini melalui rampasan kuasa dengan kekerasan bersenjata.

Seperti yang kita semua sedia maklum, perjuangan dan pergerakan komunis di negara ini dilaksanakan melalui gerakan bersenjata secara militan dan juga melalui penyusupan dan penyerapan secara subversif. Walaupun Kerajaan telah dapat mematahkan perjuangan dan pergerakan secara militan. Kerajaan sedar bahawa walaupun anggota-anggota Parti Komunis Malaya telah terpaksa berundur ke Selatan Thailand, mereka tetap tidak akan berputus asa di dalam meneruskan perjuangan mereka untuk mencapai matlamat tersebut. Dalam pada itu kita juga sedar bahawa Parti Komunis Malaya masih dan sedang meneruskan perjuangannya melalui gerakan subversif yang halus yang bertujuan untuk mencapai cita-cita dan matlamat yang sama.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat juga sedia maklum akan penderitaan-penderitaan yang menimpa dan dialami oleh rakyat akibat dari perbuatan-perbuatan khianat pihak musuh. Maka atas hakikat inilah Kerajaan berpendapat bahawa Kerajaan memerlukan kuasa-kuasa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960 dan juga Peraturan-peraturan Perlu yang lain itu untuk menghadapi ancaman-ancaman ke atas keselamatan negara

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat itu minta penjelasan, beri jalan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, saya belum habis lagi.

Tuan Yang Dipertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Biar saya habiskan dahulu. Tuan Yang Dipertua, saya terpaksa ulang semula oleh sebab diganggu sekejap tadi. Seperti yang semua Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, melalui berbagai-bagai langkah tegas yang telah diambil oleh pihak Kerajaan termasuklah pelbagai tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960 dan juga Peraturan-peraturan Perlu yang tersebut, maka Kerajaan telah dapat dan telah berjaya untuk mengujud, memelihara dan mengekalkan keadaan aman yang relatif di dalam negara ini sejak tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957 dahulu sehinggalah kepada saat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tentunya dapat melihat sendiri bahawa keadaan aman tersebutlah yang merupakan faktor yang utama yang telah membawa kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara yang telah berjalan sebegitu pesat sehingga hari ini. Hakikat ini mencerminkan dengan amat nyata sekali kejayaan negara kita dalam memelihara serta mendokong Perlembagaan dan sistem demokrasi berparlimen. Walau bagaimanapun, sukalah saya menegaskan bahawa pihak komunis yang dipimpin oleh Parti Komunis Malaya yang diharamkan itu, tidak pernah menarik balik pendiriannya untuk mengambil alih kuasa pemerintahan negara ini melalui perjuangan bersenjata. Kerajaan Barisan Nasional, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab tidak akan memandang ringan ke atas ancaman yang ditimbulkan

oleh pihak komunis oleh kerana, seandainya perjuangan mereka itu mencapai kejayaan, maka segala kemakmuran, kebebasan dan cara hidup yang sedang kita nikmati sekarang ini bukan sahaja akan tergugat bahkan besar kemungkinan segala-galanya itu akan terhapus sama sekali. Akibatnya rakyat negara jua yang akan mengalami kerugian dan penderitaan.

Oleh itu, renongkanlah wahai Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan sahabat-sahabat karibnya dan janganlah selalu sangat melemparkan tuduhan-tuduhan melulu terhadap Kerajaan tanpa memahami sedalam-dalamnya keadaan dan hakikat yang sebenarnya. Insafilah bahawa berkat segenap usaha yang dilakukan oleh Kerajaan maka Ahli Yang Berhormat itu sendiri sedang berada di Dewan yang mulia ini memainkan peranannya di dalam sistem demokrasi yang kita anuti di negara ini.

Tuan Yang Dipertua: Wakil dari Kota Melaka

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Tuan Yang Dipertua: Ada hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya tidak mahu menghabiskan masa dengan begitu sahaja sebab kita sudah maklum.

Tuan Yang Dipertua, wakil dari Kota Melaka telah mendakwa bahawa kononnya pelarian-pelarian Filipina yang berada di negeri Sabah pada masa ini telah menimbulkan masalah sosio-ekonomi kepada rakyat Sabah dan telah menafikan rakyat Sabah dan telah menafikan rakyat Sabah peluang-peluang pekerjaan, pelajaran dan kemudahan kesihatan serta menimbulkan masalah ketenteraman awam dengan adanya kejadian-kejadian jenayah. Saya sukalah menjelaskan bahawa dakwaan Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya

adalah tidak berasas. Pelarian-pelarian Filipina itu berada di Sabah secara sementara sahaja. Di samping itu kehadiran mereka buat masa ini telah dapat membantu mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja yang dihadapi oleh negeri Sabah. Saya telah memberi penjelasan-penjelasan dan huraian-huraian yang panjang lebar tentang penglibatan pendatang-pendatang di dalam kejadian jenayah yang mana perangkaan-perangkaan menunjukkan bahawa memanglah benar ada di antara mereka ini yang terlibat dengan kejadian-kejadian jenayah di negara ini, tetapi jelas bahawa penglibatan mereka ini tidaklah seburuk sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh setengah-setengah pihak yang tertentu. Walau bagaimanapun ini tidaklah bermakna bahawa Kerajaan boleh memandang ringan terhadap masalah ini dan segala tindakan yang sewajarnya akan terus diambil untuk membentasi kegiatan-kegiatan jenayah di negara ini, sama ada yang dilakukan oleh warganegara Malaysia ataupun warganegara asing.

Wakil dari Kepong telah menyentuh tentang taraf hidup Orang-orang Asli di negara ini dan beliau mendakwa bahawa peruntukan sebanyak \$23 juta bagi tahun 1983 untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah tidak mencukupi bagi kegiatan-kegiatan berkaitan dengan Orang-orang Asli memandangkan Orang-orang Asli tergolong kepada kaum yang sangat rendah taraf hidupnya berbanding dengan golongan-golongan lain. Beliau juga telah menyatakan kononnya beliau kesal kerana di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sendiri tidak terdapat pegawai-pegawai keturunan Orang-orang Asli yang memegang jawatan tinggi. Kepada Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menasihatkan bahawa segala sesuatu yang hendak diperkatakan hendaklah beliau mendalami terlebih dahulu.

Untuk makluman beliau jumlah peruntukan untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi tahun 1983 ialah \$29.4 juta dan bukannya \$23 juta seperti yang disebutkan oleh beliau itu. Dari jumlah \$29.4 juta tersebut sebanyak \$20.8 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus manakala bakinya sebanyak \$8.6 juta dikhaskan untuk kerja-kerja pembangunan bagi tahun 1983. Sukalah saya menjelaskan bahawa perbelanjaan sebanyak \$29.4 juta itu merupakan satu peruntukan yang besar jika diperhitungkan jumlah masyarakat Orang Asli di negara ini, iaitu lebih kurang 63,000 orang.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong perlulah mengetahui bahawa peruntukan \$29.4 juta ini adalah peruntukan yang disediakan bagi masyarakat Orang Asli melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, masyarakat Orang Asli juga adalah sebahagian daripada masyarakat Malaysia amnya dan dengan itu mereka telah dan akan terus mengecapi segala kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensi lain Kerajaan seperti pelajaran, kesihatan, kebajikan am dan sebagainya yang diselenggarakan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Mengenai jawatan-jawatan yang disandang oleh orang-orang keturunan Orang Asli, sukacitalah saya menyatakan bahawa sekurang-kurangnya 50% daripada kakitangan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah terdiri daripada keturunan Orang Asli. Malah salah seorang daripadanya memegang jawatan tinggi sebagai Penolong Pengarah. Di samping itu juga di antara mereka yang memegang jawatan-jawatan dalam sektor swasta. Ini semua jelas mencerminkan kejayaan-kejayaan yang sudah dicapai oleh masyarakat Orang Asli di negara ini melalui rancangan-rancangan yang disediakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, Ahli dari Bukit Bendera telah mendakwa bahawa pihak Polis telah mengambil tindakan menggunakan gas pemedih mata, menangkap dan menghadapkan ke mahkamah penghuni-penghuni Genting Estate yang berdemonstrasi, dan beliau seterusnya mendakwa bahawa kononnya pihak Polis tidak mengambil tindakan yang sama terhadap mereka yang mengambil bahagian dalam demonstrasi yang diadakan oleh badan-badan politik seperti MCA dan UMNO. Kepada Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menyatakan bahawa menurut Seksyen 83, Kanun Acara Jenayah, pihak Polis boleh mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk menyuraikan sebarang perhimpunan haram yang diadakan tanpa kebenaran, termasuklah menggunakan kekerasan yang berpatutan, jika perlu.

Wakil dari Bagan Datok telah menyentuh tentang lawatan tujuh orang peguam asing

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Tuan Yang Dipertua: Minta penjelasan, hendak beri jalan?

Tuan Mohd. Kasim bin Ahmed: Tak beri jalan, Tuan Yang Dipertua.

Wakil dari Bagan Datok telah menyentuh tentang lawatan tujuh orang peguam asing ke negara baru-baru ini. Beliau berpendapat Kerajaan sepatutnya tidak membenarkan mereka itu datang oleh kerana kedatangan mereka adalah hanya dengan niat untuk mendesak pihak Kerajaan supaya memansuhkan beberapa undang-undang berhubung dengan keselamatan negara. Saya suka menjelaskan bahawa kerajaan telah membenarkan tujuh orang peguam daripada beberapa badan seperti "International Federation of Human Rights". Legal Action Group dan "Civil Liberty Union" melawat

negara ini oleh kerana Kerajaan ingin memberi peluang kepada mereka itu untuk melihat sendiri keadaan orang-orang tahanan di negara ini. Kerajaan sering menerima dan mendengar berbagai-bagai tomanan bahawa negara ini tidak mengamalkan prinsip hak asasi manusia (human rights) terutamanya daripada badan-badan yang telah saya sebutkan itu dan juga "Amnesty International". Maka atas sebab inilah Kerajaan membenarkan peguam-peguam yang tersebut membuat lawatannya dan menilai sendiri keadaan "human rights" di negara kita ini. Kerajaan berpendapat sekiranya peguam-peguam itu tidak dibenarkan mengadakan lawatan tersebut, negara kita akan dituduh hendak menyembunyikan keadaan sebenarnya mengenai masalah ini.

Daripada maklum balas yang diterima nampaknya peguam-peguam tersebut berpuas hati dengan hasil lawatan mereka. Ada di antara mereka yang mengakui bahawa mereka adalah diberi gambaran yang salah sebelum melawat negara ini. Bahkan mereka juga mengakui bahawa keadaan human rights di Malaysia adalah jauh lebih baik daripada beberapa negara lain. Ini ketara membuktikan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah yang bijak dan wajar serta berpandangan jauh dalam membenarkan lawatan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok juga telah menggesa supaya Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat kepada isteri-isteri asing yang memohon taraf penduduk tetap di negara ini serta juga kepada mereka yang memohon pasport Malaysia dan juga telah menyuarakan kebimbangannya terhadap Kerajaan yang telah melonggarkan syarat-syarat permohonan kewarganegaraan apabila Kerajaan telah meluluskan sejumlah lebih dua juta permohonan-permohonan kewarganegaraan Kepada Ahli Yang Berhormat itu suka saya menegaskan bahawa buat

masa ini Kerajaan berpuas hati dengan peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka yang memohon pasport atau taraf penduduk tetap. Permohonan-permohonan daripada mereka yang benar-benar layak dan yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja yang akan dipertimbangkan. Sukalah saya memberi jaminan bahawa setiap permohonan yang diterima akan diberi pertimbangan yang amat teliti dan saksama sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Berhubung dengan soal kewarganegaraan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menyatakan bahawa sangkaan beliau bahawa Kementerian saya telah melonggarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan semasa meluluskan permohonan-permohonan kewarganegaraan adalah sangkaan yang kurang tepat. Sebenarnya jumlah 2.268 juta permohonan yang telah diluluskan oleh Kerajaan setakat ini ialah bagi jangka masa di antara 31hb Ogos, 1957 hingga 31hb Ogos, 1982 iaitu jangka masa selama 25 tahun. Bagaimanapun daripada jumlah 2.268 juta permohonan yang diluluskan itu adalah termasuk sejumlah 1,834,806 permohonan diluluskan dalam tempoh di antara 31hb Ogos, 1957 hingga 31hb Disember, 1966 di bawah berbagai-bagai peraturan dan keadaan tertentu seperti Hari Merdeka dan Hari Malaysia.

Mengenai jumlah 9,000 pemohon kewarganegaraan yang masih dalam proses pertimbangan itu, sukalah saya memberi jaminan bahawa permohonan-permohonan tersebut akan diteliti dengan sehalus-halusnya sebelum sesuatu keputusan itu dibuat.

Tuan Yang Dipertua, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sukalah saya menyatakan iaitu apakah

kita tidak bertanggungjawab terhadap rakyat kita, kepada pengundi kita? Apakah kita selaku orang yang mempunyai "faculty" yang lebih daripada setengah-setengah rakyat bertanggungjawab terhadap mereka yang mana pada hari ini akidah mereka terganggu dan keimanan mereka terancam? Apakah kita diberi mandat oleh Allah untuk menyuluh dan memimpin golongan yang berada di dalam suasana kegelapan, ghairah dengan menggelapkan pula kalangan yang memerlukan tunjuk ajar supaya sama-sama dapat mengecapi kebahagiaan dunia dan akhirat. Kalau Nabi besar kita telah berjaya meletakkan Islam ke tahap yang mengharumkan, maruah masyarakat Islam adakah kita secara beransur-ansur sanggup menghakiskannya. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan yang perlu difikirkan dengan mendalam dan penuh penelitian selaku penganut Islam yang tulin. Perbuatan memporakperandakan rakyat walaupun secara terang-terangan atau sebaliknya adalah sesuatu yang bercanggah dengan kehendak Islam sendiri. Adakah kita terbawa-bawa atau terpengaruh oleh sesuatu sehingga kegilaan dan ketamakan kuasa menyebabkan kita melupai bahawa kita adalah insan yang sepatutnya bertungkus-lumus untuk jalan yang diredai Allah.

Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menyatakan sekali lagi bahawa Kerajaan akan sentiasa mengawasi keadaan yang timbul akibat dari usaha-usaha memecah-belahkan masyarakat dan Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang yang ada ke atas sesiapa sahaja yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah memberikan syor-syor dan pendapat-pendapat kepada isu-isu dan masalah-masalah di bawah Kementerian saya. Bagi mana-mana pendapat dan cadangan-cadangan yang tidak sempat saya jelaskan sukalah saya menyatakan bahawa pendapat-pendapat dan syor-syor tersebut akan dikaji, akan diteliti, akan dihalusi dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan pendapat terhadap Kementerian Pengangkutan semasa perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22hb, Oktober yang lalu. Dengan adanya pandangan, teguran dan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat itu, dapatlah Kementerian saya menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan lagi. Di sini ingin saya mengambil kesempatan untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah mencadangkan supaya Kerajaan membina sebuah lapangan terbang baru di Ipoh. Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini Kerajaan telah pun melantik sebuah Firma Juruperunding untuk membuat kajian kemungkinan bagi mengadakan

sebuah lapangan terbang yang baru di Ipoh. Firma perunding itu sedang menjalankan kajian pelan induk dan menyediakan reka bentuk awal bagi lapangan terbang yang berkenaan. Laporan akhir bagi projek ini akan dapat dikemukakan kepada Kerajaan tidak berapa lama lagi dan selepas itu barulah tindakan lanjut diambil oleh Kerajaan setelah menimbang-nungkan perakuan-perakuan yang dikemukakan oleh juruperunding-juruperunding yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah dan sedang mengadakan beberapa projek pembangunan untuk menampung keperluan rakyat dengan menjadikan perkhidmatan pengangkutan di negara ini lebih sempurna, cekap dan berkesan. Satu Kajian Pelan Induk lapangan terbang di Malaysia (National Airports Masterplan study) telah diadakan oleh sebuah Firma Perunding. Pelan Induk ini melibatkan kajian mengenai keperluan dan perancangan bagi memperbaiki atau meningkatkan taraf lapangan terbang-lapangan terbang yang ada di negara ini dan juga mengenalpasti keperluan-keperluan pembinaan lapangan terbang-lapangan terbang yang baru. Ini adalah sejajar dengan perkembangan sistem pengangkutan udara di negara ini khasnya dan juga di dunia amnya. Projek-projek yang akan dilaksanakan termasuklah pembinaan serta peningkatan taraf lapangan terbang di dalam negara ini yang akan dilengkapi dengan alat-alat yang moden yang dapat memberi kemudahan yang cekap dan memuaskan kepada laluan trafik dan juga keselesaan kepada pengguna-pengguna lapangan terbang. Projek-projek pembangunan ini bukan sahaja ditumpukan kepada lapangan terbang antarabangsa tetapi juga memperbaiki kemudahan pengangkutan dalam negeri khususnya di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai sistem

pengangkutan darat yang sempurna. Untuk tujuan ini, Jabatan Penerbangan Awam telah diperuntukkan sebanyak \$275 juta untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1983 berbanding dengan sebanyak \$244 juta yang diperuntukkan bagi tahun 1982, iaitu bertambah dengan kadar sebanyak 12%.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas pula telah menyentuh mengenai perkhidmatan Twin Otter di Sarawak dan mendakwa bahawa pesawat ini hanya boleh membawa para penumpang sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pesawat ini boleh mengangkut penumpang dan juga kargo. Dalam sesuatu penerbangan, muatan kargo yang terdapat dalam pesawat Twin Otter ialah 1,550 kilogram. Namun begitu, kadangkala pengangkutan kargo bagi sesuatu penerbangan itu terpaksa dihadkan daripada muatan maksimumnya apabila pesawat itu membawa penumpang-penumpang yang penuh. Ini adalah kerana dari segi keselamatan penerbangan terdapat landasan-landasan tertentu di mana perlu diadakan "payload restriction". Dalam pada itu, MAS sentiasa mengambil perhatian dan berusaha untuk membawa dan menghantar kargo-kargo di antara sektor-sektor pendalaman ini dengan secepat yang mungkin. Pada masa ini MAS menggunakan dua jenis pesawat iaitu BN 2 dan Twin Otter bagi penerbangan-penerbangan pendalaman di Sabah dan di Sarawak. Mengenai pembelian lebih banyak lagi pesawat Twin Otter, sukalah saya memaklumkan bahawa perkara ini sedang dikaji dan besar kemungkinan pesawat-pesawat BN 2 yang sekarang ini masih digunakan di Sabah dan Sarawak akan digantikan dengan pesawat-pesawat yang baru dan lebih besar lagi.

Mengenai kemalangan kapal terbang BN 2 yang berlaku di Long Semadoh-Lawas, sepertimana yang

dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas itu, penyiataan ke atas kemalangan tersebut masih dijalankan oleh pihak Jabatan Penerbangan Awam dan laporan mengenainya belum disampaikan kepada Kementerian saya.

Tuan Yang Dipertua, seperti biasa Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah membangkitkan rasa tidak puas hati beliau mengenai kelewatan dan pembatalan penerbangan MAS yang berlaku di Sabah. Berhubung dengan perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan khasnya MAS sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang cukup dan memuaskan bagi rakyat terutamanya memandangkan bahawa di negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak, perkhidmatan udara merupakan sistem perhubungan dan pengangkutan yang penting. Namun demikian, kejadian kelewatan dan pembatalan penerbangan di antara sektor-sektor tidak dapat dielakkan. Ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang di luar daripada kawalan MAS seperti keadaan cuaca yang buruk, kerosakan teknikal kepada pesawat dan lain-lain sebab. Walaupun dalam keadaan sedemikian, suka saya menegaskan bahawa Kerajaan akan terus mengawasi dan menentukan bahawa perkhidmatan MAS dapat dijalankan dengan baik dan sempurna demi kepentingan rakyat. Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai seperti yang saya katakan tadi iaitu memperbaiki dan menyediakan kemudahan-kemudahan di lapangan-lapangan terbang, menambahkan penerbangan dan menukar pesawat-pesawat yang ada kepada pesawat-pesawat yang lebih selesa dan muatan yang lebih banyak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, buat masa sekarang jumlah pesawat MAS telah bertambah dari 19 pesawat semenjak ianya ditubuhkan

kepada 36 pesawat, termasuk 3 pesawat DC10, 4 pesawat Airbus dan 2 pesawat Boeing 747. Seajar dengan pengenalan pesawat-pesawat yang baru, MAS juga telah menitik-beratkan perkembangan teknologi yang kian meningkat di dalam bidang penerbangan dan rancangan-rancangan latihan kemahiran telah diadakan sejajar dengan aspirasi nasional untuk melengkapkan diri dan juga mengembangkan mutu kemahiran dalam bidang teknologi. Selain dari itu, MAS juga telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mempermodernkan perkhidmatan pelanggan-pelanggannya melalui pelaksanaan sistem komputer.

Mengenai bayaran denda sebanyak 25% daripada harga tiket bagi penumpang-penumpang yang gagal memberitahu pembatalan penerbangan mereka, iaitu penerbangan-penerbangan dalam negeri dalam tempoh 24 jam dari waktu penerbangan tersebut, bayaran denda ini adalah perlu untuk mengatasi masalah di mana penumpang-penumpang yang membuat penempahan tetapi tidak membuat perjalanan. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan, ramai penumpang-penumpang yang benar-benar hendak membuat perjalanan tidak akan dapat berbuat demikian. Kawalan melalui bayaran denda ini dapat mengelakkan pembatalan di saat-saat terakhir dan mengurangkan bilangan penumpang-penumpang yang tidak hadir semasa penerbangan dan dengan demikian tempat-tempat duduk dapat diberikan kepada mereka yang benar-benar bercadang untuk membuat perjalanan.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Sandakan juga ada membangkitkan mengenai kenaikan tambang udara bagi penerbangan malam di antara Sabah dengan Semenanjung Malaysia. Kenaikan tambang yang diadakan bagi

perkhidmatan dalam negeri meliputi kadar-kadar tambang bagi semua sektor dan jenis penerbangan. Kerajaan mendapati perlu untuk membenarkan MAS mengadakan kenaikan tersebut memandangkan bahawa kos operasi bagi perkhidmatan dalam negeri telah semakin bertambah. Walaupun demikian, kenaikan tambang yang dibenarkan bagi perkhidmatan dalam negeri tidaklah setinggi atau sekerap yang diadakan bagi perkhidmatan-perkhidmatan antarabangsa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kenaikan tambang yang diadakan ini hanya berupaya bagi menampung sebahagian daripada kos operasi perkhidmatan dalam negeri. Selain dari perkhidmatan penerbangan malam, MAS juga ada mengadakan potongan-potongan tambang bagi tambang penuntut dan tambang bagi keluarga. Tambang-tambang ini adalah lebih murah daripada tambang biasa.

Mengenai cadangan mengadakan penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Sandakan, MAS tidak dapat mengadakan penerbangan terus bagi sektor tersebut buat masa ini kerana sebelum sesuatu perkhidmatan terus itu diadakan adalah perlu bagi MAS menentukan bahawa jumlah trafik adalah mencukupi untuk menampung perkhidmatan terus yang sedemikian. Akan tetapi, MAS sentiasa mengkaji kedudukan semua sektor-sektor termasuk sektor di antara Kuala Lumpur ke Sandakan dan sekiranya jumlah trafik memuaskan, MAS mungkin akan mengadakan terus seperti yang dicadangkan itu.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Kuching telah membangkitkan mengenai masalah perkhidmatan kargo udara di Sarawak. Suka saya menyatakan bahawa perkhidmatan kargo udara di Sarawak dan juga di Sabah telah pun diperbaiki semenjak kebelakangan ini.

Mulai awal bulan Ogos yang lalu, perkhidmatan Airbus ke Kuching telah dimulakan dan secara langsung telah menambahkan lagi kapasiti bagi kargo. Buat masa ini jumlah kargo yang menuju ke Sarawak adalah sebanyak kira-kira 90,000 kilogram seminggu dan MAS menyediakan kapasiti yang cukup, iaitu yang boleh memuatkan kargo sehingga kira-kira 91,200 kilogram seminggu. Ini bererti pengiriman kargo ke Sarawak telah dapat dipercepatkan dan diperbaiki. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini mulai daripada 15hb November, 1982 hingga 15hb Februari, 1983, MAS akan mengadakan perkhidmatan kargo khas (freighter service) ke Sarawak bagi memenuhi permintaan yang banyak dalam musim sesak (peak period).

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuching telah membangkitkan mengenai kekurangan kemudahan dan kesulitan yang dihadapi di pelabuhan-pelabuhan di Negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelabuhan-pelabuhan di Negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak kecuali Pelabuhan Bintulu. Berhubung dengan Pelabuhan Bintulu, sukalah saya menyatakan bahawa Pelabuhan ini telah dibina dengan harga lebih daripada M\$550 juta untuk mengendalikan eksport gas cecair asli (LNG) ke luar negeri sebagai eksport utamanya. Pelabuhan ini akan memulakan operasinya pada awal tahun 1983 dan dilengkapi dengan sebuah jeti LNG, tiga buah dermaga kargo berukuran 514 meter dan sebuah dermaga kargo pukal yang boleh melabuhkan sebuah kapal "bulk carrier" muatan 50,000 dwt (dead weight tonne).

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh mengenai

perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kepada orangramai dan beliau mencadangkan supaya prestasi Jabatan itu diperbaiki. Dalam hal ini suka saya memaklumkan bahawa beberapa rancangan telah dicadangkan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan. Program-program pembesaran Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan Negeri akan diteruskan dan pengumpulan maklumat melalui sistem komputer akan disiapkan pada pertengahan tahun 1983. Cadangan-cadangan utama yang diperakukan bagi pemodenan operasi JPJ ialah mengadakan sistem pemeriksaan kenderaan secara automatik dan berkomputer, mengubah sistem pengeluaran dan bentuk lesen memandu kereta dan memperkenalkan plet pendaftaran kenderaan peribadi di atas pilihan sendiri. Untuk melaksanakan program-program ini Jabatan Pengangkutan Jalan telah diperuntukkan sebanyak \$9.5 juta bagi tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pengangkutan adalah satu egensi yang bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting untuk memastikan kecekapan sistem pengangkutan melalui laut, darat dan udara termasuk pengangkutan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Berdasarkan keperluan pengangkutan yang berkembang dengan pesatnya di negara ini, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan-jabatan serta agensi-agensi di bawahnya telah diperuntukkan sebanyak \$1,155 juta untuk tahun 1983. Sebanyak \$88.8 juta adalah untuk perbelanjaan mengurus, manakala sebanyak \$1,066 juta adalah untuk pembangunan. Ini merupakan tambahan sebanyak 32% jika dibandingkan dengan Anggaran Belanjawan Kementerian untuk tahun 1982.

Aktiviti-aktiviti dan tanggungjawab Kementerian ini telah berkembang dengan pesatnya selaras dengan objektif Kerajaan untuk mewujudkan suatu sistem pengangkutan yang cekap, selamat dan murah. Pelaksanaan sistem ini telah diberikan keutamaan bagi keseimbangan pengangkutan dengan perkembangan ekonomi negara serta memastikan objektif Kementerian ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Berikutan dengan kemelesetan ekonomi, peruntukan Belanja Mengurus bagi Kementerian Pengangkutan dan Jabatan-jabatan serta agensi-agensi di bawahnya pada keseluruhannya telah dikurangkan sebanyak 9.4% jika dibandingkan dengan peruntukan Belanja Mengurus 1982. Akan tetapi, sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memberi keutamaan kepada program-program dan aktiviti-aktiviti yang bercorak sosio-ekonomi, maka peruntukan Pembangunan Kementerian dan Jabatan-jabatan serta agensi-agensi di bawahnya untuk tahun 1983 pada keseluruhannya adalah bertambah sebanyak 38% daripada Peruntukan Pembangunan 1982. Sebahagian besar daripada jumlah ini akan digunakan untuk projek-projek pelabuhan, lapangan terbang dan keretapi. Suka saya menegaskan di sini bahawa Kementerian saya dan Jabatan-jabatan serta agensi-agensi di bawahnya akan terus berusaha dengan sedaya upaya untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran dan menentukan supaya matlamat untuk mewujudkan suatu sistem pengangkutan yang cekap, selamat dan murah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian saya semasa perbahasan dilakukan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana saya tidak sempat untuk memberikan

jawapan ini tidak bermakna bahawa Kementerian saya tidak mengambil perhatian berat terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Sebaliknya pula, semua perkara itu adalah di dalam perhatian Kementerian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk menentukan pelaksanaannya. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am.

5.53 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas perhatian yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengenai soal kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk meninggikan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan, terutama sekali kepada mereka yang kurang bernasib baik khususnya golongan seperti orang-orang cacat, orang-orang tua, kanak-kanak dan mereka yang miskin dan dhaif.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab ini tidaklah dapat dipikul dengan sepenuhnya oleh Kerajaan semata-mata tanpa sokongan dan penglibatan dari masyarakat. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan semangat kejiwaan di kalangan masyarakat supaya mereka dapat memainkan peranan untuk membantu ahli-ahli masyarakat yang memerlukan bantuan ataupun pertolongan.

Selain daripada itu, bukanlah menjadi hasrat Kerajaan untuk memikul semua tanggungjawab kebajikan masyarakat dengan sepenuhnya oleh kerana dari pengalaman negara-negara yang mengamalkan dasar itu telah didapati satu trend yang

membuatkan ahli masyarakat itu bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan dan kurang mengambil daya usaha untuk membantu sesama mereka.

Berhubung dengan soal pelajaran agama di yayasan-yayasan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian saya untuk meninggikan lagi dari semasa ke semasa perkhidmatan bagi semua penghuni-penghuni yayasan-yayasan di bawah pentadbiran Kementerian Kebajikan Am. Sebagai objektif utama Kementerian ini memberikan jagaan, perlindungan, pengasuhan dan latihan kepada mereka.

Di samping itu juga soal kerohanian dan agama adalah juga dititikberatkan di mana guru-guru agama yang bertauliah ditugaskan di tiap-tiap buah yayasan untuk memberi pendidikan dan bimbingan agama kepada penghuni-penghuni Islam. Bagi penghuni-penghuni yang beragama lain kemudahan-kemudahan untuk mereka mengikuti pelajaran agama yang mereka anuti adalah juga digalakkan. Hanya sekian, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya suka ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan pendapat terhadap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semasa perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1983 yang di bantangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22hb. Oktober, yang lalu.

Dengan adanya pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu dapatlah Kementerian saya menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Di sini ingin saya mengambil kesempatan untuk menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh soal peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha kecil yang mana menurut beliau tidak diberikan insentif-insentif yang sesuai dan lain-lain bantuan yang cukup jika dibandingkan dengan perusahaan-perusahaan sederhana dan besar. Beliau juga menekankan tentang pentingnya peranan sektor industri kecil dalam pembangunan ekonomi negara ketika ini. Berhubung dengan perkara tersebut, sukacita saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedang membuat satu kajian yang menyeluruh terhadap skim insentif yang diberikan kepada projek-projek perindustrian di negara ini.

Sebagaimana yang diketahui, skim insentif yang terdapat pada masa ini boleh dinikmati oleh semua pengusaha-pengusaha tetapi faedah yang akan didapati bergantung kepada kadar pelaburan, jumlah penggunaan tenaga buruh dan juga lokasi perusahaan itu. Kajian yang akan dibuat akan mengambil kira kriteria-kriteria baru seperti keadaan tambahan nilai yang tinggi (high value added) teknologi yang sophisticated, penggunaan tenaga buruh dan perusahaan kecil yang boleh menjadi industri-industri ancillary.

Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya Kerajaan mempertimbangkan penubuhan sebuah perbadanan perusahaan kecil untuk menyelaras dan menggalakkan perkembangan perusahaan-perusahaan kecil di Malaysia. Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat, Bahagian Perusahaan Kecil telah pun ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sejak bulan June, 1981 yang mana di antara tanggungjawab-tanggungjawab atau fungsi-fungsi yang dijalankan termasuklah perkara-perkara yang melibatkan perancangan, penyelarasan dan pengawasan perkembangan program-program yang berhubung dengan pembangunan perusahaan kecil di negara ini. Strategi-strategi untuk mempercepatkan perusahaan-perusahaan kecil di negara ini telah pun dibuat dan satu Jawatankuasa Penyelaras telah pun ditubuhkan. Jawatankuasa Penyelaras ini bertanggungjawab terhadap penyelarasan semua aktiviti-aktiviti agensi-agensi yang terlibat di dalam pembangunan perusahaan kecil seperti MARA, PDPN, MARDI, MIDA dan Bank Pembangunan. Dengan adanya penyelarasan yang dibuat diharapkan segala rupa bentuk bantuan dan khidmat nasihat yang diberikan oleh agensi-agensi ini akan dapat diselaraskan untuk menentukan ianya benar-benar berkesan. Ini akan dapat mempercepatkan pembangunan perusahaan-perusahaan kecil di Malaysia.

Daripada perincian yang dibuat dapatlah disimpulkan bahawa sejak tertubuhnya Bahagian Perusahaan Kecil ini satu program yang kemas telah pun dapat diaturkan oleh Kerajaan untuk mempercepatkan perkembangan perusahaan-perusahaan kecil di negara ini. Melalui program yang dirancang soal-soal bantuan kewangan, bantuan teknikal, khidmat bimbingan, khidmat pengurusan dan perkara-perkara yang melibatkan keperluan-keperluan asas dan juga pasaran adalah merupakan perkara-perkara penting yang diutamakan. Melalui pendekatan bersepadu (integrated approach) yang sedang dirancang oleh Kerajaan, saya percaya masalah-masalah yang selama ini menjadi penghalang kepada

kemajuan perusahaan-perusahaan kecil di Malaysia akan dapat diatasi.

Tuan Yang Dipertua, mengenai eksport simen, Ahli Yang Berhormat itu meminta Kerajaan supaya menentukan pengeluaran lesen-lesen hendaklah diberi berdasarkan kepada lebih (surplus) barangan tersebut. Ini akan dapat mengelakkan kekurangan barangan ini untuk kegunaan dalam negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengeluaran lesen oleh Kementerian saya dikawal dengan teliti dan rapi. Pengeksport dikehendaki mengemukakan permohonan resmi dalam borang-borang tertentu beserta dengan maklumat-maklumat lengkap mengenai pengeksportannya. Garis panduan bagi mempertimbangkan sesuatu permohonan adalah ketat di mana kelulusan permohonan itu hanya diberi kepada syarikat-syarikat pengeluaran sahaja setelah dipastikan bahawa bekalan dalam negeri tidak terjejas.

Besar kemungkinan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berpunca daripada kejadian kesulitan mendapatkan bekalan simen yang dilaporkan berlaku di Johor Bahru baharu-baharu ini. Sebagaimana yang diketahui umum, lebih kurang 50% dari bekalan simen ke Johor Bahru adalah didatangkan daripada pembekal-pembekal di Singapura dan disebabkan berlakunya gangguan bekalan dari Singapura, maka terdapatlah kesulitan bekalan di Johor Bahru. Gangguan yang berlaku ini adalah merupakan gangguan sementara dan masalah yang berlaku itu telah dapat diselesaikan dengan penghantaran bekalan oleh syarikat-syarikat pengeluaran tempatan setelah peraturan-peraturan mengenai pengangkutan, pembayaran dan kemudahan kredit diberseskan. Dengan hal yang demikian, masalah di Johor Bahru telah dapat diatasi.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah menggesa supaya Kerajaan melaksanakan dasar perindustrian dengan lebih berkesan dan sistematik untuk mengelak penggantungan kepada getah dan bijih timah serta tindakan ini akan menambah peluang pekerjaan dan memperbaiki imbangan perdagangan. Saya suka menjelaskan bahawa usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan sektor perindustrian telah pun berjaya untuk mengurangkan penggantungan negara kepada getah dan bijih timah. Ini dapat dilihat dengan meningkatnya sumbangan sektor perindustrian kepada keluaran Kasar Dalam Negeri (Gross Domestic Product) dari 9% pada tahun 1960 kepada 20.5% pada tahun 1980. Nilai eksport keluaran perindustrian telah juga meningkat dari 8% daripada jumlah nilai eskport barangan pada tahun 1960 kepada 20.6% pada tahun 1980. Sementara itu sumbangan getah dan bijih timah kepada nilai eksport barangan telah berkurangan daripada 65% pada tahun 1960 kepada 25.9% pada tahun 1980.

Bilangan pekerjaan yang disumbangkan oleh sektor perindustrian telah juga meningkat dari 11.4% daripada jumlah pekerjaan pada tahun 1970 kepada 15.8% pada tahun 1980. Usaha-usaha untuk meningkatkan lagi peranan sektor perindustrian dalam pembangunan negara akan diteruskan oleh Kementerian saya termasuklah penyediaan Pelan Induk yang sedang dilaksanakan sekarang ini dengan kerjasama UNIDO. Pelan Induk ini dijangka akan siap dalam tahun 1984 dan akan dapat membantu Kerajaan melaksanakan dasar perindustrian dengan lebih berkesan dan sistematik seperti yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

Mengenai perkara dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Betong di mana terdapat barang-barang keperluan di kawasan pendalaman Sarawak yang dijual dengan harga

yang tinggi, sukalah saya menegaskan bahawa perkara ini memang tidak dapat dielakkan. Sistem penetapan harga barang-barang keperluan khususnya bagi Negeri Sarawak adalah berpandukan kepada harga di bandar Kuching. Dengan berasaskan kepada harga-harga di bandar berkenaan, harga di kawasan-kawasan lain adalah ditingkatkan mengikut kawasan dengan mengambil kira kos pengangkutan, kos kendalian kadar keuntungan dan lain-lain faktor yang bersangkutan paut dengannya. Saya sedar bahawa harga barang-barang di Bariaio seperti saranan Ahli Yang Berhormat adalah terlalu tinggi. Ini adalah disebabkan oleh kerana perhubungan ke tempat berkenaan adalah amat sulit di mana kos pengangkutan adalah terlalu tinggi iaitu cara penerbangan sewa khas atas kadar kira-kira \$3,000/- bagi tiap-tiap satu tan metrik kargo. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengarahkan pegawai-pegawai yang ditempatkan di Miri supaya menentukan bahawa harga barang-barang keperluan di kawasan Bariaio dan seumpamanya adalah berpatutan setelah mengambil kira fakta kedudukan kawasan ini dari segi "geographical factor".

Tuan Yang Dipertua, menyentuh cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, supaya menubuhkan satu jabatan untuk membantu persatuan-persatuan pengguna, sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat di Kementerian saya telah pun diwujudkan Bahagian Hal Ehwal Pengguna. Bahagian ini telah ditubuhkan semenjak tahun 1973 berikutan dengan penubuhan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Selain daripada menyediakan khidmat keurusetiaan kepada Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan, Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk mengkaji dan menyelaraskan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan

pengguna di samping memberikan lain-lain nasihat dan teknikal yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan gerakan pengguna di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud meminta Kerajaan mengkaji harga barang yang tinggi di Sabah. Sekiranya subsidi terhadap barang-barang di Sabah tidak dapat diberikan, beliau mengesyorkan Kerajaan supaya mengenakan bayaran yang lebih tinggi sedikit terhadap harga barang-barang di Semenanjung bagi menyelaraskan barang-barang di Sabah dengan di Semenanjung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan harga barangan bukan sahaja berlaku di antara negeri Sabah dengan Semenanjung tetapi juga berlaku di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain di Semenanjung sendiri. Harga yang berbeza-beza ini merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan oleh kerana penawaran harga sesuatu barangan adalah dipengaruhi oleh berbagai-bagai sektor seperti lokasi kawasan berkenaan, kos pengangkutan dan sebagainya.

Saranan Ahli Yang Berhormat itu adalah sukar untuk dilaksanakan memandangkan kepada hakikat bahawa kedudukan Negeri Sabah adalah jauh dari Semenanjung. Di samping itu Kerajaan juga tidak bercadang untuk menukar sistem perdagangan bebas yang diamalkan sekarang di mana peniaga-peniaga adalah dibenarkan mengenakan sesuatu harga yang berpatutan terhadap barangan mereka setelah mengambil kira fakta-fakta yang dinyatakan di atas.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat supaya pamiran-pamiran perdagangan diadakan di semua negara-negara di mana terdapat Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan kita, sukacita dimaklumkan bahawa langkah-langkah

tersebut telah pun dilaksanakan oleh Kementerian saya. Memang dari segi keperluan lojistik dan tenaga pekerja, kita mengadakan pamiran-pamiran perdagangan di mana terdapat Pejabat Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan. Pamiran-pamiran Perdagangan seperti ini adalah terbahagi kepada dua jenis, iaitu pamiran perdagangan yang dianjurkan oleh Kementerian saya sendiri dan penyertaan kita di pamiran-pamiran perdagangan yang dianjurkan oleh badan-badan atau institusi-institusi pamiran perdagangan di luar negeri. Pamiran-pamiran perdagangan ini diadakan pada tiap-tiap tahun di negara-negara atau di tempat-tempat yang telah dipilih dan dianggap sesuai untuk memperkenalkan barang-barang keluaran eksport Malaysia. Perkara ini juga berkaitan dengan saranan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

Di samping pamiran-pamiran perdagangan yang telah saya sebutkan, Kementerian saya juga sedang melaksanakan projek melengkapkan Pejabat-pejabat Perdagangan dengan ruang-ruang pamiran kekal. Projek ini dijalankan secara berperingkat dan setakat ini sebanyak lima buah Pejabat Perdagangan iaitu Hong Kong, Bangkok, Stockholm, Vienna dan Milan telah dilengkapkan dengan ruang pamiran kekal. Pejabat Perdagangan lain juga akan diperlengkapkan pada tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh menyarankan supaya industri bahan binaan termasuk besi diberi galakan untuk meningkatkan teknologi ke tahap yang lebih kukuh dan dapat menggantikan import bahan-bahan tersebut. Dalam hubungan ini, suka saya menjelaskan bahawa kilang-kilang bahan binaan yang utama seperti besi, keluli, simen, batu bata, cat, roofing dan floor tiles sudah mencapai ke tahap yang

memuaskan. Sementara itu para pengilang dijangka akan mengambil peluang sepenuhnya akan galakan terhadap aktiviti "research dan development" yang baru sahaja diumumkan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Para pengilang hendaklah juga memperhebatkan usaha-usahanya untuk meningkatkan daya pengeluaran serta mutu keluaran masing-masing dengan kos yang minima dan tidak semata-mata bergantung kepada insentif-insentif seperti pengecualian cukai atau perlindungan tarif.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Labis supaya digalakan penubuhan persatuan-persatuan pengguna di peringkat daerah, sukalah saya maklumkan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian saya untuk sentiasa menggalakkan pembangunan gerakan pengguna di seluruh negara ini. Kementerian saya telah menyalurkan bantuan kewangan dan nasihat kepada persatuan-persatuan pengguna negeri semenjak tahun-tahun 60an lagi. Persatuan-persatuan pengguna negeri juga telah digalakkan untuk menubuhkan cawangan-cawangannya di daerah-daerah untuk menolong menyebarkan kesedaran pengguna dan seterusnya memperkuat gerakan pengguna di negeri-negeri berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persatuan-persatuan pengguna telah juga menubuhkan kelab-kelab pengguna di sekolah-sekolah dan maktab-maktab perguruan.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Pekan, meminta Kerajaan membekukan import kereta persendirian yang mewah buat sementara waktu. Suka saya maklumkan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengurangkan pengimportan kereta-kereta penumpang

(termasuk kereta-kereta mewah) seperti berikut:

- (i) Sekatan import secara kuota; dan
- (ii) Kenaikan duti import yang tinggi.

Kementerian ini berpendapat langkah-langkah tersebut adalah mencukupi untuk tidak menggalakkan pengimportan kereta-kereta mewah.

Ahli Yang Berhormat dari Labis ingin mengetahui strategi-strategi Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) dalam menggiatkan lagi perkembangan industri-industri pelancong di Malaysia. Sukalah saya memaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$3 juta telah diperuntukkan kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan untuk menyediakan rancangan-rancangan pelan induk bagi 6 buah kawasan yang telah dikenal pasti sebagai mempunyai potensi pelancongan. Kesemua kajian-kajian ini telah dilaksanakan dan mengambil kira keadaan-keadaan pasaran serta perakuan strategi yang boleh digunakan untuk mempertimbangkan perkembangan pelancongan di negara ini. Hasil daripada usaha-usaha ini Kerajaan sudahpun mempunyai rancangan serta strategi untuk membangunkan industri ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Labis juga salah satu daripada rancangan pelan induk ini sedang dilaksanakan dengan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Rancangan ini meliputi satu kawasan seluas 450 hektar di Tanjong Rhu, Pulau Langkawi. Peruntukan untuk pembangunan Tanjong Rhu adalah sebanyak \$37 juta. Di samping itu juga Perbadanan Kemajuan Pelancongan mempunyai rancangan-rancangan jangka pendek dan

jangka panjang di dalam usaha-usahanya memperkenalkan Malaysia di pasaran antarabangsa. Perbadanan Kemajuan Pelancongan telahpun menjalankan kajian yang meluas untuk mengenal pasti pasaran yang mempunyai potensi. Usaha-usaha telah dan sedang diambil untuk mengutarakan daya-daya penarik yang terdapat di negara ini di pasaran-pasaran tersebut bertujuan untuk menarik lebih ramai lagi kedatangan pelawat-pelawat asing. Sementara itu usaha-usaha untuk menggalakkan lebih ramai warganegara Malaysia beristirahat di tempat-tempat pelancongan dalam negeri sedang dipergiatkan.

Tuan Yang Dipertua, sekian sahaja ulasan saya terhadap syor-syor dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Syor-syor dan pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak disentuh akan juga diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi syor-syor dan pandangan-pandangan mereka.

Tuan Yang Dipertua: Kementerian Kesihatan.

6.18 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan ulasan dan teguran tentang perkhidmatan kesihatan dalam perbincangan Belanjawan baru-baru ini dan saya mengucapkan terima kasih khasnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang telah mengemukakan cadangan-cadangan yang membina, sebaliknya ucapan-ucapan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang DAP seperti biasanya membangkitkan kritik-kritik sahaja dengan tidak ada tujuan lain

selain dari hasrat untuk mencemarkan imej perkhidmatan kesihatan. Mereka menegur seolah-olah perkhidmatan yang sedia ada telah kehilangan kepercayaan dan keyakinan orang ramai. Selepas saya meneliti semua teguran-teguran yang telah dibangkitkan, komen-komen itu boleh diberikan kepada tiga bidang. Saya tidak berhajat untuk menjawab atau membuat ulasan kepada setiap teguran yang telah dibangkitkan, melainkan memberi penjelasan mengikut kategori-kategori yang telah diberikan itu.

Pihak Pembangkang DAP telah menyatakan bahawa perkhidmatan perubatan sekarang menghadapi krisis keyakinan daripada rakyat di negara ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkhidmatan kesihatan dan perubatan di dalam hospital-hospital Kerajaan di seluruh Malaysia memberi rawatan kepada lebih kurang 10 juta orang pesakit luar dan 900,000 orang pesakit wad pada tahun yang lepas. Jikalau kritik-kritik yang tidak bertanggungjawab oleh pihak Pembangkang DAP benar, saya tidak percaya bahawa begitu ramai rakyat akan terus mendapatkan rawatan dari kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan. Sebenarnya keyakinan orang ramai terhadap DAP telah hilang, sebab itulah parti DAP hendak menggunakan isu ini untuk menjejaskan moral dan keikhlasan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Ahli-ahli dari parti ini juga menyentuh tentang cadangan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan beliau pada 22hb Oktober tahun ini bahawa kadar bayaran untuk pelbagai perkhidmatan perubatan akan dinaikkan. Sebenarnya, kadar-kadar bayaran yang sedia ada telah ditetapkan dalam bulan April tahun 1976. Kerajaan berpendapat bahawa adalah wajar kadar bayaran tersebut dikaji semula oleh kerana kos-kos perkhidmatan

perubatan telah melambung naik dalam beberapa tahun yang lepas dan elemen subsidi yang memang ada dalam perbelanjaan ini harus dikurangkan sedikit-sebanyak, misalnya, kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk mengendalikan Hospital Besar Kuala Lumpur pada tahun 1981 sahaja ialah lebih kurang \$70.3 juta akan tetapi hasil yang diperolehi oleh Hospital Besar ini pada tempoh yang sama hanyalah lebih kurang \$2.9 juta. Contoh ini sahaja membuktikan bahawa Kerajaan memang menanggung satu subsidi yang besar untuk memberi rawatan yang sempurna kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan perubatan dan adalah wajar supaya beban ini dikurangkan memandangkan bahawa Kementerian Kesihatan akan meluaskan lagi perkhidmatan kesihatan ke seluruh negara, khususnya di luar bandar.

Dalam Belanjawan Tahun 1983 Kementerian Kesihatan akan diperuntukkan \$856,126,000 untuk Perbelanjaan Mengurus. Hasil yang dianggarkan dapat diperolehi dengan kadar bayaran yang baru ialah lebih kurang \$40.8 juta. Walaupun dengan kadar bayaran yang baru adalah jelas bahawa Kerajaan masih menanggung satu elemen subsidi yang besar dan saya tidak nampak logik parti Pembangkang DAP bahawa Kerajaan tidak mengambil berat tentang kesihatan rakyat, khususnya mereka yang miskin.

Saya akan membentangkan kadar bayaran yang baru itu di bawah Akta Bayaran, 1951 dalam mesyuarat Dewan yang mulia ini kepada satu tarikh yang akan ditetapkan. Oleh kerana bayaran-bayaran ini meliputi banyak kategori perkhidmatan yang biasa diberikan kepada pesakit-pesakit, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan butir-butir selanjutnya dari perintah bayaran yang akan mengandungi semua butir-butir ini apabila ianya dibentangkan.

Setakat ini memadailah saya sebutkan bahawa kenaikan kadar bayaran itu ditumpukan khas kepada mereka yang menggunakan wad-wad hospital bagi Kelas I dan II. Walaupun bayaran wad untuk Kelas III tidak akan berubah, kita cuma akan mengenakan bayaran-bayaran lain bagi pesakit dalam Kelas III ini dengan kadar yang minima dan di mana wajar sahaja. Dasar Kerajaan ialah supaya mereka yang berpendapatan rendah tidak dibebankan dengan perbelanjaan rawatan yang terlalu tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, golongan-golongan yang tertentu akan terus menerima pengecualian daripada bayaran seperti biasa.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kadar bayaran bagi hospital-hospital persendirian adalah lebih tinggi daripada bayaran di hospital-hospital Kerajaan pada keseluruhannya. Oleh yang demikian, untuk mereka yang mempunyai kemampuan mendapatkan rawatan di wad Kelas I dan II khususnya, Kerajaan berpendapat bahawa kadar bayaran ini harus juga diselaraskan di mana yang boleh dengan kadar bayaran di hospital persendirian walaupun tidaklah sampai ke kadar sepenuhnya. Elemen subsidi memang sedia wujud juga walaupun di dalam Kelas I dan II.

Dasar yang kedua yang dibangkitkan pada amnya di dalam Dewan yang mulia ini ialah tentang ubat-ubatan yang dibekalkan dalam hospital-hospital Kerajaan. Nampaknya timbul salah faham tentang hasrat Kementerian untuk mengurangkan perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran sekarang. Dalam beberapa tahun yang lepas Kementerian telah giat mengkaji senarai ubat-ubatan yang dibekalkan kepada hospital-hospital seluruhnya. Memang sudah menjadi amalan supaya kita menghantar satu senarai seragam ataupun dengan izin, standard list of drugs untuk digunakan oleh semua hospital Kerajaan. Tidak ada satu Kerajaan

yang boleh membekalkan semua jenis ubat-ubatan yang boleh didapati di dalam pasaran. Standard list ini akan dikaji dari masa ke semasa dan amalan ini adalah selaras dengan syor-syor yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang telah membuat cadangan bahawa semua negara khasnya negara-negara yang sedang membangun hendaklah mengadakan satu senarai bernama, dengan izin, Essential Drugs List. Tujuannya ialah untuk menjimatkan perbelanjaan dan hanya ubat-ubatan yang mustahak untuk menyelamatkan nyawa dan yang berkesan untuk memulihkan pesakit-pesakit sahaja dibekalkan kepada pesakit.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum dalam pasaran sekarang ini terdapat berbagai ubat-ubatan yang menggunakan nama perniagaan masing-masing. Tujuan Kerajaan ialah untuk membekalkan ubat-ubatan seperti ini sebagai jenis "generic" sahaja. Tidak benar sama sekali bahawa Kerajaan tidak akan membekalkan ubat-ubat yang "life-saving" kepada pesakit-pesakit. Walaupun kita mempunyai satu standard list, ini tidak bermakna bahawa doktor-doktor berkenaan yang hendak membeli ubat dari luar yang terdapat dalam senarai ini dilarang berbuat demikian. Misalnya, dalam tahun 1981 Kementerian telah membelanjakan \$28,682,000 untuk bekalan ubat-ubatan dari setor pusat Kementerian Kesihatan, walaupun doktor-doktor tertentu telah membelanjakan \$4,302,000 dalam tahun yang sama untuk membeli ubat-ubatan atas tempahan tempatan (local order).

Dalam keadaan ekonomi sekarang ini, pembelian ubat-ubatan yang tidak ada di dalam standard list akan dikawal dengan lebih rapi lagi. Kita telah menubuhkan satu Jawatankuasa terdiri dari pakar-pakar kanan untuk mengawasi bekalan ini dan saya harap bahawa Dewan yang mulia ini dan

orang ramai tidak akan ragu-ragu tentang langkah jimat-cermat ini.

Dasar ketiga yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya dari Barisan Nasional ialah supaya Kementerian Kesihatan mengadakan lebih banyak hospital-hospital di kawasan-kawasan mereka masing-masing dan supaya Kementerian boleh menambah lagi bilangan doktor dan pakar dalam hospital-hospital tersebut. Memang menjadi hasrat dan dasar Kementerian supaya kita meluaskan perkhidmatan kesihatan khasnya di kawasan-kawasan di mana hospital-hospital lama harus diganti ataupun membina hospital baru di daerah-daerah yang belum mempunyai hospital. Kita juga bersetuju dengan aspirasi Ahli-ahli Yang Berhormat itu supaya di mana terdapat kekurangan kelengkapan atau kekurangan doktor-doktor, kita harus memperbaiki keadannya.

Di dalam beberapa rancangan pembangunan yang lepas dan juga dalam Rancangan Malaysia Keempat ini, Kementerian Kesihatan telah diperuntukkan perbelanjaan bagi pembangunan untuk mencapai matlamat ini pada dasarnya. Malangnya oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi sekarang, beberapa dari projek itu terpaksa ditangguhkan sehingga ekonomi pulih semula. Ini tidak bermakna bahawa projek-projek yang telah dipersetujui pada prinsipnya tidak akan dilaksanakan tetapi dilambatkan sahaja. Apabila keadaan mengizinkan Kementerian Kesihatan akan melaksanakan beberapa projek pembinaan hospital tertentu secara turnkey supaya pelaksanaan dipercepatkan dan sumber kewangan sebagai pinjaman boleh diperolehi dari firma-firma yang sanggup menjayakan projek-projek secara turnkey ini.

Ada beberapa projek baru akan dilaksanakan mengikut sistem ini dan perundingan sedang dijalankan

dengan beberapa firma untuk membolehkan sistem ini digunakan juga pada masa akan datang. Saya sendiri berasa dukacita atas kelambatan pelaksanaan projek-projek ini yang disebabkan oleh keadaan ekonomi. Tetapi saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional justru akan sedar tentang masalah yang dihadapi oleh Kerajaan sekarang.

Saya telah juga menyentuh dalam beberapa sesi soal jawab di Dewan yang mulia ini tentang doktor-doktor dalam negara ini dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah berkenaan masalah ini juga. Untuk menjimatkan masa saya tidak akan mengulangi jawapan-jawapan yang telah saya berikan atas perkara ini dahulu. Walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak universiti-universiti tempatan atas kerjasama dan peranan positif mereka dalam perkara ini. Mereka bukan sahaja telah menambahkan bilangan kemasukan penuntut-penuntut ke Fakulti-fakulti Perubatan masing-masing bahkan juga telah menyediakan kemudahan-kemudahan latihan lanjutan bagi doktor-doktor. Saya berharap kerjasama yang wujud ini dapat terus dikekalkan demi kepentingan semua rakyat jelata.

Saya juga sedar bahawa terdapat masalah syarat-syarat perkhidmatan bagi doktor-doktor. Kedudukan mereka yang bertugas di Sabah dan Sarawak juga adalah di dalam perhatian Kementerian. Yang Amat Berhormat Ketua-ketua Menteri Sabah dan Sarawak telah membincangkan perkara ini dengan saya sendiri dan juga dengan pegawai-pegawai kanan dalam Kementerian.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah mengemukakan untuk perhatian saya masalah-masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor Sarawak berhubung dengan

Peperiksaan Am Kerajaan termasuk kesulitan mereka memperoleh kelulusan dalam matapelajaran Bahasa Malaysia di peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan peluang untuk kenaikan pangkat. Beliau juga memberi tahu Kementerian tentang masalah doktor-doktor kontrak yang telah berkhidmat selama 10 tahun sama ada doktor asing itu boleh meneruskan perkhidmatan mereka. Sebenarnya perkara-perkara seperti ini telah dikemukakan kepada Kementerian untuk diteliti sebelum ianya dibangkitkan oleh parti DAP dalam Dewan yang mulia ini dan kita akan terus berhubung dengan Kerajaan Sarawak tentang syarat-syarat perkhidmatan doktor-doktor di sana.

Pegawai-pegawai Perubatan dari Semenanjung Malaysia sentiasa digalakkan untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Untuk mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas kerjasama mereka dengan Kementerian untuk meneruskan perkhidmatan kita kepada rakyat. Saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih juga kepada orang ramai, badan-badan sukarela, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kuasa-kuasa Tempatan atas kerjasama yang telah mereka berikan kepada Kementerian baru-baru ini dalam usaha mencegah penyakit demam denggi dari merebak.

Sukacita saya memaklumkan dari jumlah kes denggi yang dilaporkan cuma 824 kes sahaja yang disahkan setakat ini manakala 1,650 kes adalah negatif. Kita semua dapat melihat bahawa dengan persefahaman yang erat ini dan dengan kerjasama pemimpin-pemimpin parti politik dari Barisan Nasional kita telah dapat mengatasi apa jua masalah kesihatan yang berbangkit. Atas kerjasama pihak radio, televisyen, sebaran am dan surat khabar juga saya mengucapkan terima kasih kepada mereka

atas kempen yang telah diadakan baru-baru ini. Saya berharap kerjasama ini akan terus wujud pada masa akan datang apabila kita mengadakan kempen-kempen dalam pelajaran kesihatan.

Di sini ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang mustahaknya Kerajaan mengadakan satu Dasar Kesihatan yang akan meliputi pihak perubatan swasta. Perkara ini memang di dalam perhatian Kementerian Kesihatan oleh kerana tidak mahu melihat sistem kesihatan terbahagi kepada dua iaitu swasta dan awam seolah-olah kedua pihak ini diasingkan di antara satu sama lain. Saya tidak dapat menyentuh tiap-tiap teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi saya ingin menyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perkara-perkara tersebut adalah di dalam rekod Kementerian Kesihatan untuk rojokan dan tindakan di mana yang wajar.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas semua pandangan-pandangan yang membina ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Kementerian Perusahaan Utama.

6.39 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian saya sepanjang perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1983 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai yang mencadangkan supaya pasaran bahan-bahan utama

dibuka dengan lebih luas lagi terutamanya ke negeri China, ingin saya maklumkan bahawa usaha-usaha telah, sedang dan akan terus dipergiatkan untuk memasarkan bahan-bahan utama kita ke negara-negara pengguna yang mempunyai potensi disamping memperkukuhkan pasaran-pasaran yang sedia ada. Dalam hal ini, Negeri China merupakan salah satu pasaran yang penting dan kita terus berusaha untuk menambahkan eksport bahan-bahan utama termasuk minyak kelapa sawit, getah dan kayu kayan ke negeri tersebut. Sebenarnya dan kebetulan pula pada masa ini satu misi sedang berada di Negeri China untuk menggalakkan penjualan kayu kayan di negeri tersebut.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu pula telah mencadangkan supaya eksport bahan-bahan utama ditingkatkan lagi. Perlulah dijelaskan di sini bahawa eksport bahan-bahan utama telahpun ditambah di tahun-tahun kebelakang ini jika berbanding dengan tahun-tahun 70 an. Misalnya bagi getah, jumlah eksport bahan tersebut telah meningkat daripada 1.3 juta dalam tahun 1970 berbanding dengan 1.5 juta tan dalam tahun 1981. Bagi minyak kelapa sawit pula jumlah eksportnya telah bertambah daripada 402,000 tan dalam tahun 1970 berbanding dengan 2.35 juta tan pada tahun lepas. Begitu juga dengan eksport bahan-bahan utama yang lain seperti kayu kayan dan lada hitam.

Tuan Yang Dipertua, bagi menentukan supaya bahan-bahan utama Malaysia seperti kelapa sawit dapat dipasarkan secara kompetitif dan dapat mempertahankan diri dalam dunia persaingan usaha-usaha yang berterusan dibuat untuk mengurangkan dan jika boleh menghapuskan sekatan tarif yang dikenakan oleh negara-negara pengguna.

Menyentuh tentang usaha-usaha yang diambil untuk mempengaruhi

pasaran antarabangsa bahan-bahan utama sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu dan juga Bukit Mas, ingin saya jelaskan di sini bahawa Malaysia adalah menjadi Ahli Perjanjian Antarabangsa bagi getah dan bijih timah. Melalui operasi stok penimbal Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) bagi getah dan kawalan eksport serta stok penimbal Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Ke 6 bagi timah, harga kedua-dua bahan tersebut dapat disetabilkan ke paras yang menasabah. Di samping itu negara-negara pengeluar getah yang menjadi ahli Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) telah bersetuju supaya sektor perusahaan getah mengambil tindakan menahan sejumlah getah dari memasuki pasaran bagi mengukuhkan pasaran getah.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menentukan supaya harga kepada pengeluar-pengeluar bahan utama terutamanya pekebun-pekebun kecil adalah pada paras yang menasabah dan berpatutan. Melalui aktiviti MARDEC dan RISDA, pembelian getah secara terus daripada pekebun-pekebun kecil telah dipertingkatkan dan dengan langkah-langkah ini pekebun-pekebun kecil tidak akan mengalami kesukaran memasarkan hasil keluaran mereka di samping mendapatkan harga yang menasabah.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu Kerajaan juga telah menubuhkan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) untuk menyediakan satu sistem penentuan harga yang teratur dan berkesan serta menjamin harga yang berpatutan kepada pengeluar-pengeluar. Setakat ini hanya kelapa sawit diniagakan dan usaha sedang diambil oleh Kerajaan terutama sekali Kementerian saya untuk meniadakan komoditi-komoditi lain seperti getah dan timah di pasaran tersebut.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu juga ada mencadangkan supaya Agensi-agensi seperti RRI dan PORIM menambakan lagi peranan masing-masing dalam penyelidikan, dalam perkara ini sukalah dijelaskan bahawa agensi-agensi tersebut telah menjalankan beberapa usaha penyelidikan ke atas bahan-bahan berkenaan iaitu getah dan kelapa sawit bagi faedah negara dan pengeluar-pengeluar dengan meningkatkan hasil dan mutu serta mengurangkan kos pengeluaran bahan-bahan tersebut supaya dapat bersaing dengan pengeluar-pengeluar bahan-bahan tersebut di seluruh dunia.

Hanya saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu sahajalah belum lagi faham keadaan dan belum lagi mengenali, mempelajari dan mengetahui apa yang dirancang dan dijalankan oleh Kerajaan terutama sekali Kementerian saya mengenai bahan-bahan yang telah saya sebutkan tadi. Saya bercadang supaya Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu itu membuat cadangan bukan hanya semata-mata untuk mempamerkan diri untuk menentukan supaya publisiti Ahli Yang Berhormat itu akan sentiasa terjaga tetapi mengukur apa yang dicakapkan berasaskan kepada kebenaran (*Tepuk*).

Kita menjadi ahli politik tidaklah sepatutnya tidak berasas seperti yang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut, tetapi harus menentukan apa yang kita keluarkan di Dewan yang mulia ini akan benar-benar berhasil ataupun berasas atau tidak. Kalau tidak kita hanya berusaha dan berjuang ke arah mementingkan soal politik kita sendiri.

Tuan Yang Dipertua, dari segi ini usaha-usaha penyelidikan yang telah dan sedang dijalankan merangkumi bidang-bidang tertentu termasuklah pemilihan dan pembiakan benih-benih termasuk tisu-didik yang bermutu dan memberi hasil yang tinggi, amalan

agronomi pertanian dan pengurusan ladang yang lebih berkesan, penggunaan baja yang lebih baik, memperkenalkan alat-alat untuk mengatasi kekurangan tenaga buruh, perkhidmatan berkembang untuk mempercepatkan pemindahan teknologi baru kepada pekebun-pekebun kecil supaya dapat meningkatkan hasil dan daya pengeluaran. Penyelidikan ke atas penggunaan akhir dan penggunaan sisa kilang (effluent) dari industri getah dan kelapa sawit kini sedang diusahakan.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan penghantaran benih kelapa sawit yang baik ke Sarawak sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Betong, sukalah dimaklumkan bahawa bekalan bahan kelapa sawit di dalam negara kita adalah bebas dari sebarang sekatan sepertimana yang dikenakan ke atas bekalan biji benih kelapa sawit ke luar negeri. Sarawak boleh mendapatkan biji benih kelapa sawit dari mana-mana sumber di negara ini tanpa sekatan seperti dari Agensi-agensi Kerajaan atau ladang-ladang swasta yang sesuai. Hanya terpujanglah kepada Ahli Yang Berhormat tersebut sama ada berminat untuk membawa bahan-bahan yang saya sebutkan tadi ke Sarawak atau tidak.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas mengenai cadangan supaya siasatan dibuat ke atas kejadian orang-orang asli menyekat kerja-kerja pengusahasilan kayu kayan di Pahang, suka saya menyatakan bahawa suatu lawatan ke tempat berkenaan dan suatu Majlis dialog telah diadakan di mana Yang Berhormat Menteri Besar Pahang sendiri turut hadir. Lain-lain yang hadir termasuklah Pegawai-pegawai dari Pejabat Daerah, Pejabat Tanah, Jabatan Hutan Negeri, Jabatan Polis, FELDA, JKR, pembalok dan orang-orang Asli.

Perkara ini telah dapat diselesaikan di majlis tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya akhirnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada dari pembangkang ataupun dari ahli Kerajaan kerana telah sedia mengemukakan masalah-masalah dan cadangan-cadangan berhubung dengan Kementerian saya.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Menteri Pertanian.

6.47 ptg.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang Dipertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1983 yang berlangsung beberapa hari yang lalu banyak juga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa aspek berkenaan dengan dasar pertanian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian.

Saya sukalah merakamkan penghargaan saya di atas segala teguran dan cadangan yang bernas yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan kerana dengan teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang bernas inilah maka Kementerian saya boleh melaksanakan tanggungjawab dan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak bercadang untuk menjawab dan mengulas satu persatu semua perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian. Tetapi ini bukanlah bermakna bahawa segala teguran dan cadangan yang telah ditimbulkan sekarang ini adalah tidak diambil indah, malah Kementerian saya adalah sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap semua teguran dan cadangan yang dibuat.

Apa yang saya ingin jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini ialah dasar dan matlamat Kementerian saya

dan dengan ini saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah tidak berasa bimbang, ragu dan berpuas hati di atas beberapa perkara yang telah ditimbulkan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maklum, sebilangan besar daripada penduduk negara kita ini adalah terdiri daripada kaum petani dan nelayan. Kita juga maklum bahawa hampir semua mereka ini adalah berpendapatan kecil dan sebilangan besar daripada mereka adalah di bawah garis pendapatan kemiskinan. Oleh itu adalah hasrat dan dasar Kementerian saya supaya sektor ini adalah dijadikan sebagai satu yang commercially viable dan moden supaya kedudukan petani-petani dan nelayan-nelayan kita ini setanding dengan pekerja-pekerja dalam sektor-sektor yang lain, yang maju.

Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian Pertanian telah memperkenalkan teknik-teknik baru dan moden dalam bidang pertanian dan ternakan. Langkah dan strategi yang telah diambil termasuklah memperkenalkan:

- (a) amalan pertanian berkelompok (group farming);
- (b) penggunaan kejenteraan secara lebih luas di kawasan-kawasan tanah yang bersesuaian;
- (c) memberikan latihan kepada para petani melalui sistem perkembangan latihan dan lawatan yang lebih dikenali dengan 2L di mana masalah petani dibincang dan diselesaikan di samping memperkenalkan teknik-teknik pertanian moden, dan
- (d) akhirnya memberi latihan kepada para pegawai di pelbagai agensi pelaksana dalam bidang perkhidmatan, pinjaman, perkhidmatan pemasaran, pengangkutan dan pemerosesan bahan-bahan pertanian untuk menentukan para petani

mendapat pengetahuan pertanian yang terbaharu untuk menambahkan pengeluaran serta pendapatan.

Kementerian adalah juga sentiasa mengkaji semula dan menggubal strategi-strategi baharu bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada sekarang termasuklah program-program subsidi pertanian yang dilaksanakan sekarang ini. Sebarang program subsidi yang tidak membawa kesan yang baik akan disusun semula atau diubahsuai sewajarnya.

Di sini saya sukalah menyentuh berkenaan dengan pendapat yang menyatakan bahawa pengendalian subsidi pertanian adalah dimonopoli oleh syarikat-syarikat besar dan tidak mendatangkan faedah yang memuaskan kepada petani-petani. Saya suka menyatakan di sini bahawa pendapat ini adalah satu pendapat yang tidak benar. Umpamanya, tender-tender bagi pengedaran baja kebanyakannya adalah diperolehi oleh syarikat-syarikat yang dipunyai oleh petani dan peladang sendiri. Saya suka juga menyentuh teguran bahawa faedah subsidi ini sepatutnya dinikmati oleh pengusaha-pengusaha sawah dan bukannya pemilik tanah. Dalam hal ini Kementerian Pertanian sedang mengambil langkah menerusi sistem "2L" dan pendaftaran peladang untuk memastikan petani-petani yang mengusahakan sawah-sawah sahaja diberi bantuan baja. Pemilik-pemilik sawah yang tidak mengusahakan sawah mereka atau menyewakan sawah-sawah mereka kepada orang lain tidak akan diberi bantuan baja.

Kementerian Pertanian akan terus melaksanakan program dan projek bagi mencapai matlamat dasar negara dalam pengeluaran padi. Strategi dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian ialah meningkatkan lagi pengeluaran:-

- (1) meningkatkan lagi daya pengeluaran bagi kawasan-kawasan

yang sedia ada melalui pelaksanaan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu lebih dikenali IADP.

- (2) membuka kawasan-kawasan baharu untuk penanaman padi seperti Projek Pembangunan Rompin/Endau dan Seberang Perak.
- (3) memulihkan sawah-sawah terbiar.

Kementerian Pertanian akan terus juga melaksanakan projek-projek air IADP bagi menyediakan infrastruktur-infrastruktur sistem pengairan dan kemudahan-kemudahan bagi perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan dan nasihat bekalan input credit, pemasaran dan kejenteraan ladang secara bersepadu kepada pesawah-pesawah, bukan sahaja bagi meningkatkan pengeluaran padi untuk negara, tetapi yang sama pentingnya ialah meningkatkan pendapatan pesawah-pesawah bagi mencapai Dasar Ekonomi Baru. Sejajar dengan ini juga, Kementerian akan terus mempergiatkan usaha dalam kajian dan penyelidikan dalam semua aspek pengeluaran padi dari peringkat "free harvest" kepada "post harvest" bagi mencari teknik-teknik baharu dalam pengurusan-pengurusan penanaman dan pengeluar padi. Teknik-teknik baharu yang sedang giat diperkenalkan kepada pesawah-pesawah sekarang ialah teknik tanam terus ataupun dengan izin "direct seeding". Sistem pengurusan sawah secara berkelompok dan penggunaan jentera moden bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh dan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sawah supaya perusahaan menanam padi menjadi satu perusahaan yang ekonomik dan menguntungkan kepada pesawah-pesawah.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh masalah penyakit-penyakit seperti penyakit merah,

benaperang dan lain-lain yang sering kali menyerang tanaman padi. Saya suka memaklumkan di sini bahawa langkah-langkah yang khusus sedang diambil oleh Kementerian Pertanian dalam mempergiatkan lagi usaha-usaha kawalan perosak tanaman padi.

Satu program kawalan secara bersepadu (integrated pest control) dengan menggunakan berbagai teknik kawalan termasuk amalan cultural, kawalan biological dan penggunaan racun-racun kimia sedang dilaksanakan di semua kawasan utama tanaman padi. Dalam program ini satu sistem pengawasan dan peramalan perosak tanaman padi diperkenalkan dan sedang giat dijalankan untuk mengesan serangan serangga awal perosak tanaman padi supaya tindakan segera dapat diambil untuk mencegah berlakunya serangan merebak. Di samping itu berbagai penyelidikan sedang dijalankan oleh MARDI dan salah satu daripadanya ialah memilih jenis-jenis padi yang kebal kepada beberapa serangan serangga dan penyakit merbahaya seperti merah dan benaperang.

Berhubung dengan gantirugi kepada pesawah-pesawah di kawasan Krian/Sungai Manik yang tanaman padi mereka mengalami kerosakan oleh serangan makhluk perosak, sukacita dimaklumkan adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa dalam keadaan biasa Kerajaan tidak memberi bantuan gantirugi kepada petani-petani di atas sebab-sebab kerosakan tanaman padi diserang oleh perosak tanaman yang boleh dikawal oleh petani-petani. Dalam keadaan ini Kerajaan akan membantu petani-petani melaksanakan tindakan kawalan dengan memberi khidmat nasihat pengesanan dan pengalaman serta bantuan racun-racun dan pinjaman alat penyembur. Kerajaan hanya akan memberi bantuan gantirugi kiranya tanaman mereka ditimpa oleh bencana alam yang luar kawalan manusia seperti kemarau, banjir dan serangan

makhluik perosak yang boleh membinasakan keseluruhan kawasan tanaman. Walau bagaimanapun, bagi kawasan Projek Pertanian Krian/Sungai Manik terdapat kawasan lebih kurang seluas 570 hektar di Semanggol yang ditimpa padi hampa yang mana sebab-sebabnya belum lagi diketahui. Dalam hal ini Kerajaan telah mengambil tindakan untuk memberi bantuan kepada pesawah-pesawah yang terlibat oleh kerana ianya dianggap sebagai satu malapetaka.

Selain daripada masalah padi, masalah kejatuhan harga kelapa telah juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Dalam hal ini saya sukalah menyatakan bahawa ini adalah satu masalah yang universal dan tidak dapat kita kawal. Oleh itu, Kementerian saya telah mengambil langkah untuk mengubah strategi bagi kawasan-kawasan kelapa dengan menggalakkan tanaman yang lain yang dapat memberi hasil yang tinggi daripada kelapa seperti tanaman kontan, ternakan haiwan dan ternakan air. Kesemua kegiatan ini telah dan akan dilaksanakan dengan cara sistem tanaman bersepadu.

Begitulah juga kedudukan berkenaan dengan tanaman koko. Salah satu daripada langkah untuk mengatasi kejatuhan harga koko ini ialah untuk menggalakkan petani-petani menanam jenis koko yang mempunyai mutu yang lebih tinggi supaya harga yang didapati adalah lebih lumayan. Dasar pertanian yang diamalkan di Semenanjung Malaysia seperti yang telah disebutkan tadi akan juga dilaksanakan di Sarawak dan jika perlu di negeri Sabah. Untuk langkah permulaan, Kementerian telah mengenalpasti tiga buah projek pembangunan kawasan di Sarawak. Projek-projek ini ialah Projek Pembangunan Pertanian Semerahan, di Bahagian Pertama Sarawak yang meliputi kawasan pertanian seluas 60,000 hektar yang sedang berada di peringkat kajian kemungkinan. Projek

Pembangunan Pertanian Kalakas Seribas, di Bahagian Kedua Sarawak seluas 1.578 Kilometre persegi dan Projek Pembangunan Pertanian Limbangan, Bahagian Kelima Sarawak seluas 49,500 hektar yang akan dikaji kemungkinannya. Dan dijangkakan bila projek ini dilaksanakan ia akan dapat memberi faedah kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum nelayan selain daripada masalah-masalah pertanian. Kementerian saya sedar di atas masalah yang dihadapi oleh golongan ini. Untuk meninggikan pendapatan di sektor perikanan, Kementerian saya bercadang membangunkan sebanyak 11 kawasan Pembangunan nelayan di seluruh Semenanjung Malaysia. Sebagai permulaan tiga kawasan Pembangunan nelayan akan ditubuhkan di Besut, Terengganu, Yan di Kedah dan Mersing di Johor. Pembangunan masyarakat nelayan akan diberi keutamaan yang tinggi dalam tahun 1983 di mana ahli-ahli akan digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan dan juga untuk bersama-sama menyumbangkan dalam perancangan pembangunan kawasan melalui Persatuan Nelayan. Penyerapan tenaga mereka dalam proses perancangan dari peringkat bawahan ke atas akan membuatkan mereka lebih terikat kepada program-program yang diatur untuk dilaksanakan kelak. Program-program yang akan dijalankan menerusi Pusat Pembangunan Nelayan secara amnya adalah:

- (1) Program memodenisasi penangkapan ikan;
- (2) Program Pembangunan Masyarakat;
- (3) Program Perkhidmatan Sokongan Pemasaran;

- (4) Program Pendapatan Sampingan; dan
 (5) Program Industri Berkaitan.

Saya ingin pula menyentuh teguran tertentu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Pertama ialah berkenaan dengan masalah sempadan kawasan penangkapan ikan di mana terdapat kemasukan nelayan-nelayan dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat penentuan sempadan kawasan adalah satu peraturan pentadbiran sahaja. Nelayan-nelayan yang melanggar undang-undang sempadan perairan lazimnya diberi amaran dan bagi kes yang serius pula mereka dikenakan compound serta bot dan pukot mereka dikembalikan. Ketiga-tiga agensi penguatkuasa iaitu Tentera Laut Di Raja Malaysia, Polis Laut dan Jabatan Perikanan telah pun mengambil langkah-langkah yang positif untuk

melarang kedatangan nelayan-nelayan asing.

Dalam hal pengharaman Pukat Kenka Dua Bot sebenarnya Kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan Pukat Kenka Dua Bot yang mengikut syarat-syarat. Yang menjadi masalah adalah hampir semua Pukat Kenka Dua Bot yang dilesenkan itu telah menukar pukot dan cara operasinya kepada Pukat Tunda Dua Bot yang diharamkan.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Terima kasih. Saya akan sambung, dengan izin, pada hari Isnin.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.